

## BAB 4

### PERMODALAN DAN GEJALA BERHUTANG

Perubahan dalam aspek kuasa dan pentadbiran secara umumnya tidak mengubah kedudukan wanita Melayu sebagai pencari rezeki. Wanita Melayu tidak mengasingkan diri daripada ekonomi komersil yang semakin diterapkan oleh penjajahan sebaliknya anjal berubah mengikut suasana sekeliling. Namun tidak dinafikan corak ekonomi **bebas** yang mementingkan persaingan, modal dan penggunaan wang ini turut membawa kesan tersendiri terhadap kaum wanita. Salah satu kesan yang kelihatan ialah **pergantungan** kepada pihak tertentu seperti ceti untuk menampung kegiatan dan masalah ekonomi sekeluarga.

#### **Wanita dan Permodalan**

Kegiatan permodalan umumnya bermaksud keterlibatan dalam pekerjaan atau perusahaan yang mendatangkan pendapatan sama ada dalam bentuk wang upah atau hasilan yang boleh menampung kehidupan sekeluarga, disimpan apabila ada lebihan dan digunakan semula (dilaburkan) untuk mendapatkan pendapatan tambahan.<sup>1</sup> Aspek ini lebih ketara di kalangan wanita kerabat diraja berbanding wanita rakyat biasa yang tujuan utama keluar bekerja adalah untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari semata-mata. Namun tidak dinafikan ada juga di kalangan wanita rakyat biasa yang bijak menyimpan dan melabur semula wang simpanan mereka untuk menambahkan pendapatan.

---

<sup>1</sup> Lihat takrif pemodalan dalam J. L. Hanson 1977. *A Dictionary of Economics and Commerce* (fifth edition), London & Plymouth: The English Language Book Society and Macdonald & Evans, hlm. 61.

## Wanita Sebagai Pekerja

Meskipun kedudukan wanita sebagai pekerja dapat dikesan dengan menggunakan sumber banci penduduk namun banci bukanlah jawapan mutlak terhadap soal tersebut kerana ia tidak dapat lari daripada kelemahan tertentu. Masalah utama sehingga dekad pertama abad ke-20 masih lagi berkisar kepada keadaan di mana kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum wanita yang tidak mendatangkan upah telah tidak diambilkira dalam banci sebagaimana yang pernah dialami oleh Britain dan Amerika Syarikat. Wanita di Britain, misalnya, sejak Zaman Industri lagi telah melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyelamatkan keluarga daripada kelaparan – dari berjaya di pasar hingga menjadi “*migrant workers*” dengan mencari kerja di tempat lain untuk tempoh lima hingga enam bulan namun kesemuanya tidak direkodkan dalam statistik rasmi kerajaan.<sup>2</sup> Keadaan ini juga tidak ada bezanya dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat pada 1880 di mana sikap pembanci yang menganggap “setiap lelaki mempunyai pekerjaan sebaliknya perempuan tidak” didedahkan. Justeru itu banci bukan sahaja berkisar tentang angka malah juga mendedahkan aspek “pemikiran” pereka banci.<sup>3</sup>

Bagi Tanah Melayu yang merupakan jajahan British, ciri yang sama turut kelihatan. Beberapa orang pereka banci, misalnya, telah menyatakan masalah yang mereka hadapi dalam mengutip data tentang pekerjaan wanita. Sesetengahnya pula

<sup>2</sup> Isu sumbangan wanita yang tidak mendatangkan upah tidak direkodkan dalam statistik rasmi kerajaan di Britain telah dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji. Lihat Maxine Berg 1993. “What Difference did Women’s Work make to the Industrial revolution?” *History Workshop*, no. 35, hlm. 22-44; Bridget Hill 1993, “Women, Work and the Census: A Problem for Historians of Women,” *History Workshop*, no. 35, hlm. 78-94.

<sup>3</sup> Lihat, Benedict Anderson 1990. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism* (revised edition), London: Verso, Bab 10. Anderson, antara lain menghujahkan, banci sebenarnya cerminan pandangan dan pemikiran pemerintahan kolonial yang lepas tentang apa yang di bawah kekuasaan mereka (aitu masyarakat yang diperintahnya, sempadan dan geografi).

dengan secara terbuka menunjukkan sikap dan pandangan mereka terhadap kedudukan wanita dalam pertumbuhan ekonomi negara. J. E. Nathan, Pesuruhjaya Banci 1921, misalnya, menyatakan kesukaran menentukan pekerjaan sebenar penduduk kerana mereka melakukan pelbagai pekerjaan. Seorang Melayu mungkin mempunyai beberapa ekar sawah tetapi dalam masa yang sama memiliki kebun getah, kelapa serta bertanam sayur di sekeliling rumah. Ciri yang sama turut berlaku dalam kalangan kaum wanita. Nathan berpendapat bilangan kaum wanita yang terlibat dalam penanaman padi adalah lebih tinggi daripada angka yang diberi dalam banci jika tidak kerana kebanyakan wanita yang bekerja di sawah seringkali merujukkan kerja mereka itu sebagai “kerja rumah.”<sup>4</sup> Keadaan ini menyarankan kemungkinan berlaku ketidaktepatan dalam angka-angka yang dipungut.

Sikap ambil mudah pereka banci terhadap usaha dan titik peluh wanita begitu terserlah apabila wanita yang melakukan kerja yang tidak dibayar upah diklasifikasi sebagai “tidak mempunyai pekerjaan”. Banci 1911 mencatatkan 105,883 daripada 185,223 orang wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, tidak mempunyai pekerjaan.<sup>5</sup> Walaupun banci pekerjaan menjadi lebih seragam selepas 1911 dengan penjenisan pekerjaan yang lebih banyak selari dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi kapitalis, banci terhadap pekerjaan wanita masih tidak berubah. Dalam banci 1921 kelihatan ada satu percubaan untuk memperjelas sedikit kedudukan wanita dengan memasukkan “kerja-kerja rumah tangga” (“household duties at home”) yang sepenuhnya diisi oleh kaum wanita namun tiada penjelasan diberi tentang ciri-ciri dalam kumpulan tersebut dan apakah perbezaanya dengan wanita yang dimasukkan ke ruang

<sup>4</sup> J. E. Nathan 1922. *The Census of British Malaya 1921*. London: Waterlow & Sons, hlm. 113.

<sup>5</sup> A. M. Poutney 1911. *The Census of the Federated Malay States 1911*. London: Darling & Sons, hlm. 143.

“tidak mempunyai pekerjaan” pada banci tahun berkenaan. Adakah “kerja-kerja rumah tangga” itu merujuk kepada golongan surirumah atau juga termasuk anak-anak perempuan yang membantu kerja di rumah. Jika demikian apakah pula rasional di sebalik ruang “tidak mempunyai pekerjaan” di kalangan wanita? Adakah ia juga mengambil kira kaum wanita surirumah atau ditujukan kepada kanak-kanak perempuan berumur 15 tahun ke atas yang dianggap sudah layak memasuki alam pekerjaan tetapi masih tidak bekerja? Walaupun begitu tiada sebarang keterangan yang diberikan berhubung perkara ini.

Dari satu segi ruang “tidak mempunyai pekerjaan” ini nampaknya tidak mengambil kira langsung kerja-kerja di rumah yang mungkin dilakukan kaum wanita untuk membantu menambahkan pendapatan keluarga atau menyelamatkan keluarga daripada kemelaratan hidup kerana kerja-kerja ini dianggap tidak mendatangkan ganjaran wang. Dalam persaingan ekonomi kapitalis, golongan yang tidak membuat pekerjaan yang mendatangkan upah memang diandaikan tidak bekerja. Sikap ini jelas apabila kesemua klasifikasi pekerjaan utama dan sub pekerjaan lebih berorientasikan pekerjaan yang mendatangkan upah. Masalah timbul apabila berdepan dengan kerja-kerja yang tidak mendatangkan upah kerana ketidaksediaan para pereka banci untuk mengubah paradigma yang telah mereka amalkan itu. Dalam banci 1931, sikap ambil lewa pereka banci begitu terserlah. Vlieland, Pesuruhjaya Banci tahun berkenaan menulis:

In the case of the female population, the case is somewhat different, in that only 378,163 females are industrially classified out of a total female population of 1,774,710, and a female population over 15 years of age of 1,109,617. Since, however, a large majority of the adult female population is naturally solely engaged in household duties, it scarcely seems worth while to

express percentages of the total female population employed in different industries.<sup>6</sup>

Sikap sedemikian semakin mengaburkan sumbangan kaum wanita dalam pertumbuhan ekonomi negeri-negeri Melayu. Konsep “kerja-kerja rumah” memang tepat untuk menerangkan tugas-tugas wanita dalam alam rumahtangga seperti memasak, membasuh dan mengasuh anak tetapi ia tidak dapat menjelaskan kedudukan wanita yang mungkin terlibat membantu suami membawa pulang “upah” ke rumah. Misalnya, sambil melakukan tugas rumahtangga, wanita turut melakukan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh suami yang sedang bekerja di sawah seperti berkebun sayur dan menternak di sekeliling rumah, membuat atap mengkuang, jala, tikar dan sebagainya. Kerja-kerja ini memang tidak diupah oleh si suami tetapi memberi ganjaran wang kepada keluarga berkenaan apabila si suami kemudiannya menjualkan hasil tersebut. Mungkin atas kesedaran ini juga maka selepas sepuluh tahun berlalu, banci 1947 menunjukkan perubahan terhadap takrif “kerja” bagi kaum wanita. Del Tufo, Pesuruhjaya Banci 1947, buat pertama kalinya mengakui salah faham banci-banci yang terdahulu terhadap apa yang dicatatkan sebagai “kerja rumah” sambil mengakui aspek ini sebagai satu pekerjaan penting yang telah diabaikan. Antara ulasan beliau tentang perkara ini adalah seperti berikut:

The writer has never been able to understand fully why the unpaid daughter who helps on the land or in the shop should be included in the ‘gainfully occupied’ population whilst her mother who cooks, washes and scrubs for a large family is not; but he assumes that this exclusion arises from the fact that at all censuses the number genuinely engaged in such work are swelled to an unpredictable extent by the inclusion of others who merely supervised a household of servants and for that matter do nothing at all but are reluctant to admit the fact.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup>C. A. Vlieland 1932. *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, London, hlm. 98.

<sup>7</sup>M. V. Del Tufo 1949. *A Report on the 1947 Population Census*, London, hlm. 109.

Walau bagaimanapun aspek terakhir ini agak mengelirukan dan dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai tidak tepat untuk menggambarkan kerja sebenar yang dilakukan oleh suri rumah. Antara alasannya, tidaklah boleh diandaikan bahawa rata-rata suri rumah di Tanah Melayu mempunyai pembantu rumah.<sup>8</sup> Hanya segelintir sahaja khususnya daripada golongan bangsawan dan orang berada yang berkeupayaan untuk mengupah orang lain membantu urusan rumahtangga. Sementara itu perubahan besar kelihatan dalam banci tahun 1957 apabila takrif “*unpaid family worker*” semakin diperincikan iaitu merujuk kepada mereka yang bekerja tanpa dibayar upah dalam sesuatu perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarga.<sup>9</sup> Secara keseluruhannya, banci bukanlah jawapan kepada segala persoalan tentang sosio-ekonomi kaum wanita.

Dari sudut pekerjaan, banci hanyalah satu panduan umum iaitu bagi wanita yang bekerja sepenuh masa dan yang membawa pulangan wang atau upah. Daripada bilangan 89,934 orang wanita Melayu Kedah yang dibanci pada tahun 1911, 89,908 orang atau 99% dianggap bekerja.<sup>10</sup> Angka ini merupakan 49.8% daripada jumlah keseluruhan orang Melayu (lelaki dan wanita) yang berjumlah 180,419 orang.<sup>11</sup> Penyertaan yang paling tinggi kelihatan dalam bidang domestik iaitu 52.07% diikuti oleh bidang pertanian 46.39%. Dalam kelas domestik, taburan tertinggi datangnya dari kumpulan kanak-kanak diikuti oleh kaum wanita.<sup>12</sup> Taburan yang ketiga besar dalam klasifikasi

<sup>8</sup> Nisha Bhatt 1999. Sejarah Sosio-Ekonomi Pekerja Wanita Estet di Tanah Melayu, 1900-1957, tesis Sarjana Sastera (Sejarah), Universiti Sains Malaysia, hlm. 64.

<sup>9</sup> H. A. Fell 1960. *Population Census of the Federation of Malaya, 1957 Report No. 14*, hlm. 24-25.

<sup>10</sup> Pengiraan banci pekerjaan untuk tahun 1911, 1921 dan 1931 adalah merujuk kepada penduduk Melayu dan wanita Melayu jati sahaja.

<sup>11</sup> Pengiraan ini tidak termasuk kategori kelas yang tidak produktif. Lihat, A. Cavendish 1911. *Report on the Census of Kedah and Perlis 1911*, Penang: Criterion Press, hlm. 68-69.

<sup>12</sup> Di bawah domestik, terdapat enam kumpulan utama iaitu kanak-kanak, kaum wanita, tukang masak, membantu rumah, penjaga rumah dan jururawat. Kanak-kanak turut membantu ibu bapa di sawah malah cuti sekolah di Kedah diselaraskan dengan musim menuai padi. Kanak-kanak Melayu pada 1911 berjumlah 60,524 orang. Daripada jumlah ini kanak-kanak perempuan berjumlah 30,218 orang. Daerah Kota Setar mencatat bilangan kanak-kanak yang paling tinggi iaitu 26,698 orang. Daripada jumlah ini

ini ialah orang yang bekerja sebagai tukang masak. Bidang ini dikuasai sepenuhnya oleh kaum wanita iaitu seramai 316 orang berbanding 12 orang lelaki. Kota Setar mencatat jumlah tukang masak yang paling ramai berbanding daerah-daerah lain iaitu seramai 260 orang dan dari jumlah ini, 255 orang adalah kaum wanita. Di daerah lain, penglibatan orang Melayu dalam pekerjaan ini adalah kecil.<sup>13</sup> Sesuai dengan sifat semulajadi kaum wanita, bidang kejururawatan dikuasai sepenuhnya oleh golongan ini. Daripada 103 orang jururawat di negeri itu, 96 adalah wanita. Boleh dikatakan setiap daerah di negeri itu kecuali Yan mempunyai sekurang-kurangnya seorang jururawat dengan bilangan tertinggi dicatatkan di Kota Setar iaitu 70 orang. Walau bagaimanapun, berlawanan dengan andaian biasa kerja-kerja rumahtangga adalah pekerjaan kaum wanita, penglibatan golongan ini sebagai pembantu rumah adalah lebih kecil berbanding kaum lelaki. Banci 1911 menunjukkan daripada 108 orang pembantu rumah, hanya 12 orang daripadanya adalah wanita yang kesemuanya tertumpu di Kota Setar. Pemilihan kaum lelaki sebagai pembantu rumah berkemungkinan berkait rapat dengan keupayaan golongan ini melakukan pelbagai pekerjaan di rumah seperti membersihkan halaman rumah, mengangkut kayu api dan sebagainya.

Tumpuan kepada daerah Kota Setar dalam kebanyakan pekerjaan adalah berdasarkan beberapa sebab. Pertamanya, Kota Setar merupakan pusat pentadbiran dan tumpuan ekonomi. Seiring dengan kepadatan penduduk yang paling tinggi berbanding

---

13,447 orang adalah kanak-kanak lelaki sementara kanak-kanak perempuan berjumlah 13,221 orang. Perbincangan untuk taburan pekerjaan tahun 1911 ini adalah berdasarkan laporan banci tahun berkenaan. Lihat, A. Cavendish 1911. *Census of Kedah and Perlis 1911*, Penang: Criterion Press, hlm. 62-70.

<sup>13</sup> Di Padang Terap, bilangan yang bekerja sebagai tukang masak ialah dua orang; Kubang Pasu, lapan orang; Pulau Langkawi, dua orang; Yan, tiga orang; Kuala Muda, 15 orang; Kulim, empat orang; dan Krian, 34 orang. Di daerah Baling, tiada yang bekerja sebagai tukang masak. Kaum wanita turut menguasai pekerjaan penjaga rumah iaitu 76 orang daripada 78 orang penjaga rumah di negeri itu dengan beratusan tertinggi di Kota Setar iaitu seramai 73 orang.

daerah lain<sup>14</sup> termasuk menjadi penempatan elit dan bangsawan, dan sebagai pusat tumpuan pentadbiran dan perniagaan, keperluan kepada tukang masak, jururawat, pembantu dan penjaga rumah adalah tinggi. Tukang masak diambil bekerja bukan sahaja di istana, rumah pembesar dan orang kaya tetapi juga di kedai makan, gerai dan rumah penginapan yang terdapat di sekitar bandar.

Pertanian merupakan mata pencarian utama bagi orang Melayu Kedah termasuk kaum wanita. Daripada 88,491 orang Melayu yang terlibat dalam aktiviti tersebut, 41,715 orang atau 47% adalah kaum wanita berbanding 53% lelaki.<sup>15</sup> Daripada jumlah ini, 41,625 orang atau lebih 99 % orang wanita bergiat dalam penanam padi yang menjadi tumpuan wanita Melayu di daerah-daerah utama di negeri itu. Malah di daerah tertentu seperti Padang Terap, kaum wanita mengatasi bilangan penanam padi lelaki sementara di beberapa daerah lain, perbezaan peratusan penanam padi wanita dengan penanam padi lelaki adalah kecil sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.1.

<sup>14</sup> Jumlah penduduk Kota Setar ialah 99,640 orang. Di daerah Padang Terap jumlah penduduknya ialah 7,721 orang; Kubang Pasu 27,394 orang; Pulau Langkawi 8,746 orang; Yan 14,016 orang; Kuala Muda 33,331 orang; Baling 25,521 orang; Kulim 19,937 orang; dan Krian 9,507 orang.

<sup>15</sup> Meskipun wanita Melayu Kedah terlibat dalam semua kegiatan pertanian yang disenaraikan selain daripada penanaman padi namun taburannya sangat kecil. Antaranya mengusahakan penanaman pisang, lada hitam, getah, ubi kayu, kelapa, tembakai, sayur-sayuran, sirih, pokok pinang, kelapa dan sebagai tukang kebun.

Jadual 4.1 Peratusan bilangan penanam padi lelaki dan wanita Melayu Kedah pada 1911

Daerah	Wanita	Lelaki
Kota Setar	48%	51%
Padang Terap	51%	48%
Kubang Pasu	49%	51%
Langkawi	46%	54%
Kuala Muda	42%	58%
Baling	49%	51%
Kulim	36%	64%
Krian	35%	65%

Sumber: Dipadankan daripada A. Cavendish, *Report on the Census of Kedah and Perlis*, hlm. 68-69.

Di daerah Padang Terap, bilangan penanam padi wanita mengatasi bilangan kaum lelaki Melayu sebanyak 3%. Meskipun di beberapa daerah lain peratusan penanam padi lelaki mengatasi kaum wanita namun perbezaan yang ditunjukkan adalah terlalu kecil. Di daerah Kota Setar, misalnya, bilangan penanam padi lelaki mengatasi penanam padi wanita sebanyak 3%. Di Kubang Pasu dan Baling, bilangan penanaman padi lelaki mengatasi bilangan penanam padi wanita sebanyak 2% sahaja. Hanya di Kulim dan Krian, peratusan perbezaan ini agak besar. Di daerah Kulim, penanam padi lelaki mengatasi penanam padi wanita sebanyak 28% sementara di daerah Krian sebanyak 30%.

Penglibatan yang tinggi dalam sektor pertanian juga bermaksud penyertaan wanita Melayu dalam pekerjaan profesional, komersil dan industri adalah kecil. Penyertaan wanita Melayu dalam bidang profesional, misalnya, hanya 0.25 % daripada jumlah pekerja wanita.<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, dalam kategori ini terdapat dua

---

<sup>16</sup> Daripada 23 jenis pekerjaan yang disenaraikan, terdapat lapan pekerjaan yang diceburi oleh wanita Melayu iaitu sebagai bidan, guru agama, tabib (bomoh), kakitangan kerajaan, guru besar, artis, pengutip

pekerjaan yang pada umumnya dimonopoli kaum lelaki nampaknya turut diceburi kaum wanita iaitu sebagai pengutip bil dan pemain nobat. Meskipun bilangan yang terlibat adalah kecil namun ia sekurang-kurangnya mencerminkan sesetengah wanita Melayu tidak mengasingkan diri daripada pekerjaan kaum lelaki. Kota Setar tetap mencatat tumpuan tertinggi wanita Melayu dalam profesional. Misalnya, daripada 15 orang tabib (bomoh) wanita, 12 orang terdapat di Kota Setar. Daripada 81 orang bidan Melayu di negeri itu, 47 orang berada di Kota Setar. Begitu juga dengan pekerjaan lain seperti kakitangan kerajaan, pengutip bil, pemain nobat dan guru besar hanya diceburi oleh wanita di daerah tersebut.<sup>17</sup>

Peratusan wanita Melayu Kedah yang terlibat dalam bidang komersil pula adalah lebih tinggi berbanding bidang profesional iaitu 0.35% daripada jumlah keseluruhan pekerja wanita Melayu pada tahun 1911. Ia melibatkan seramai 315 orang wanita Melayu atau 29.3% daripada jumlah keseluruhan orang Melayu (lelaki dan wanita) yang terlibat dalam sektor komersil yang berjumlah 1,075 orang. Kota Setar masih mendahului dari segi bilangan dan peratusan wanita Melayu yang terlibat dalam sektor komersil sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.2.

---

bil dan pemain nobat. Taburannya adalah seperti berikut: bidan 81 orang; artis wanita seramai 69 daripada 187 artis secara keseluruhan; guru agama wanita berjumlah 40 orang daripada jumlah keseluruhan 94 orang, 15 tabib (bomoh) wanita daripada jumlah keseluruhan 43 orang tabib Melayu di Kedah; dan seorang sahaja guru besar wanita daripada 39 orang guru besar di negeri itu. Ini adalah kerana terdapat hanya sebuah sekolah perempuan sahaja waktu itu di Kedah. Meskipun bilangan yang terlibat dalam pekerjaan pengutip bil dan pemain nobat adalah sangat kecil namun ia mencerminkan sesetengah wanita tidak mengasingkan diri daripada pekerjaan kaum lelaki.

<sup>17</sup> Hanya seorang wanita Melayu sahaja terlibat dalam pekerjaan yang berkenaan di negeri Kedah dan kesemuanya bertumpu di Kota Setar.

**Jadual 4.2 Taburan penglibatan wanita Melayu Kedah dalam sektor komersil pada 1911**

Daerah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kota Setar	276	166	442
Padang Terap	21	5	26
Kubang Pasu	23	17	40
Pulau Langkawi	20	4	24
Yan	40	15	55
Kuala Muda	148	39	187
Baling	113	48	161
Kulim	59	16	75
Kerian	60	5	65
Jumlah	760	315	1075

**Sumber:** Dipadankan daripada A. Cavendish, *Report on the Census of Kedah and Perlis 1911*, hlm. 64-65.

Daripada 315 orang wanita Melayu yang menceburi sektor komersil di Kedah, 166 orang atau 53% adalah wanita Melayu di daerah Kota Setar. Penglibatan wanita Melayu dari daerah lain pula adalah kecil, misalnya, daerah Baling menyumbangkan 48 orang atau 15% daripada jumlah keseluruhan wanita Melayu yang terlibat dalam sektor komersil sementara di Kuala Muda pula, hanya 39 orang atau 12%. Penglibatan wanita di daerah-daerah lain seperti di Padang Terap, Kubang Pasu, Pulau Langkawi, Yan, Kulim dan Kerian adalah amat kecil bilangannya.

Penguasaan wanita Melayu Kota Setar dalam sektor komersil begitu terserlah dalam beberapa jenis perniagaan sebagaimana yang ditunjukkan di bawah.<sup>18</sup>

1. pekedai runcit, iaitu 99 orang daripada 232 orang pekedai runcit Melayu yang terdapat di Kedah.
2. pekedai kopi, iaitu 61 orang daripada 148 orang pekedai kopi Melayu yang terdapat di Kedah;
3. pemberong rokok, iaitu 55 orang daripada 79 orang pemberong rokok Melayu yang terdapat di Kedah;

<sup>18</sup>A. Cavendish, *Census of Kedah and Perlis 1911*, hlm. 64-65.

4. pemberong kain baju dan sarong, iaitu 47 orang daripada 140 orang Melayu yang menjadi pemberong barang-barang berkenaan di seluruh negeri Kedah.

Taburan di atas juga menunjukkan terdapat segelintir wanita Melayu yang sanggup menceburi perniagaan yang dianggap hanya sesuai untuk lelaki. Malah amat menakjubkan jumlah pemberong rokok wanita Melayu mengatasi jumlah pemberong rokok lelaki Melayu di negeri Kedah. Di daerah Baling juga muncul seorang wanita Melayu yang menjadi pemberong tunggal dalam kelapa dan kayu (papan) di daerah itu. Perniagaan lain yang diceburi wanita Melayu ialah sebagai tukang gunting, pengusaha kedai makan, penjual kayu api, penjual buah-buahan, penjaja dan penternak.

Penyertaan dalam sektor industri menduduki tempat ketiga penting selepas domestik dan pertanian. Peratusan penglibatan dalam sektor ini, walau bagaimanapun, hanyalah sekadar 0.87% daripada jumlah keseluruhan pekerja wanita Melayu di negeri itu dengan satu pola tumpuan kepada pekerjaan yang berpusat di sekitar kediaman masing-masing seperti pembuatan atap, kuih muih, membuat jala, tikar, menenun kain dan menjahit pakaian sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.3.

**Jadual 4.3 Taburan penglibatan wanita Melayu dalam sektor industri negeri Kedah pada 1911**

	Lelaki	Wanita (%)	Jumlah
Pembuat atap	105	118 52.91	223
Pembuat kuih muih	50	180 78.26	230
Pembuat jala	3	89 96.7	92
Pembuat tikar	0	32 100.0	32
Pembuat tembikar	1	27 96.4	28
Bertenun	1	40 97.56	41
Tukang jahit	20	73 78.64	93

Sumber: Dipadankan daripada A. Cavendish, *Census of Kedah and Perlis 1911*, hlm. 64-68.

Tumpuan sebegini mencadangkan wujud satu sikap dan pandangan di kalangan wanita Melayu untuk mencari pendapatan tanpa perlu mengorbankan tumpuan kepada urusan rumah tangga kerana pekerjaan-pekerjaan tersebut tidak memerlukan mereka meninggalkan rumah. Wanita Melayu mengatasi sepenuhnya lelaki Melayu dalam pembuatan tikar diikuti dengan bertenun sebanyak 97.56%, pembuatan jala sebanyak 96.7% dan pembuatan tembikar 96.4%. Mereka juga mengatasi lelaki Melayu sebagai tukang jahit, membuat kuih dan atap. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir wanita Melayu yang menceburi bidang pekerjaan yang biasanya diceburi oleh kaum lelaki seperti bekerja sebagai tukang besi, pembuat bot, tukang kayu, tukang emas, pelombong<sup>19</sup> dan tukang rumah meskipun bilangan yang terlibat adalah kecil.

Banci tahun 1921 menunjukkan penurunan mendadak peratusan wanita Melayu Kedah yang bekerja. Daripada bilangan keseluruhan 115,979 orang wanita Melayu yang dibanci pada tahun itu, hanya 81,270 orang sahaja dianggap bekerja. Angka ini merupakan 70% daripada bilangan wanita Melayu di negeri itu dan merupakan 48.5% daripada bilangan keseluruhan orang Melayu yang bekerja (lelaki dan perempuan) yang seramai 167,327 orang. Penurunan ini mempunyai kaitan dengan hakikat bahawa seramai 35,898 orang wanita Melayu di negeri itu telah dikategorikan dalam banci tahun tersebut sebagai tidak mempunyai pekerjaan. Peratusan penglibatan dalam pertanian juga menurun meskipun sektor ini masih kekal sebagai pekerjaan yang paling tinggi diceburi oleh kaum wanita. Daripada 113,040 orang Melayu yang terlibat dalam bidang pertanian, 47,482 atau 42% adalah kaum wanita. Daripada jumlah ini, 42,513 atau 90%

<sup>19</sup> Wanita Melayu mengatasi lelaki Melayu dalam pekerjaan di lombong. Pada 1911 jumlah pelombong lelaki hanyalah lima orang berbanding 17 pelombong wanita Melayu. Kota Setar masih mencatat jumlah denyertaan yang tertinggi di kalangan wanita Melayu dalam sektor industri iaitu seramai 378 orang. Daripada jumlah keseluruhan seramai 784 orang wanita Melayu yang terbabit dalam sektor berkenaan di negeri itu dan diikuti oleh Kuala Muda (153 orang) dan Baling (76 orang).

wanita Melayu bergiat dalam penanaman padi. Banci tahun 1921 juga kelihatan agak terperinci dengan pertambahan dalam pelbagai klasifikasi pekerjaan yang bermodelkan banci negara kapitalis dengan penekanan kepada konsep upah. Selain kesukaran untuk menentukan pekerjaan sebenar seseorang individu akibat kepelbagaian kerja yang mereka lakukan, wujud tanggapan di kalangan pembuat banci bahawa tidak ada faedah untuk memberi peratusan wanita yang terlibat dalam industri-industri yang berbeza memandangkan wanita dewasa (berumur lebih 15 tahun) secara semulajadinya memang terlibat dalam kerja-kerja rumah tangga.<sup>20</sup>

Penguasaan yang tinggi dalam bidang pertanian khususnya penanaman padi secara tidak langsung bermaksud penglibatan wanita Melayu dalam sektor lain pada 1921 adalah kecil. Pekerjaan buruh pertanian hanya melibatkan 3,494 orang atau 4.2% daripada bilangan wanita Melayu yang bekerja meskipun ia merupakan pekerjaan kedua terbesar diceburi wanita Melayu selepas penanaman padi. Sektor ekonomi lain memperlihatkan peratusan penglibatan yang lebih kecil namun apa yang menarik wanita Melayu mengatasi kaum lelaki Melayu dalam sektor tertentu, misalnya, penanaman sayur, membuat atap, tembikar, menenun sarong, pembuatan kasut dan selipar, membuat jala, sebagai pekerja di kilang kelapa serta gambir, dan sebagai pembuat tembakau yang mahir. Wanita Melayu juga menguasai pembuatan makanan, tikar, jahitan dan sebagai pekerja tekstil. Mereka turut menjadi nelayan dengan jumlah dicatatkan seramai 154 orang. Jumlah ini menurun kepada 16 orang dalam banci 1931. Dalam sektor komersil, wanita Melayu menjadi tuanpunya perniagaan tertentu, menjadi membantu kedai dan juga penjaja. Selain itu terdapat seramai 111 orang wanita Melayu yang bekerja sebagai buruh dalam sektor-sektor yang tidak termasuk dalam banci.

---

<sup>20</sup>C. A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, hlm. 97-98.

Penyertaan dalam bidang profesional amat kecil dengan bilangan tertinggi dicatatkan dalam profesi perguruan. Pada tahun 1921 terdapat 100 orang guru wanita perbanding dua orang jururawat, 83 bidan dan empat orang tabib (bomoh). Bidang lain yang diceburi ialah hiburan, perkhidmatan personel seperti pembantu rumah yang mencatat jumlah seramai 334 orang berbanding 296 orang pembantu rumah lelaki, sebagai pekerja di restoran, rumah tumpangan dan tukang cuci pakaian.<sup>21</sup>

Bilangan wanita Melayu yang bekerja semakin menurun pada 1931 berbanding panci sebelumnya. Daripada bilangan penduduk wanita Melayu seramai 139,137 yang dibenci pada tahun itu, hanya 43,277 orang atau 31% dianggap bekerja. Angka ini merupakan 34% daripada bilangan keseluruhan pekerja Melayu (lelaki dan wanita) yang seramai 126,605 orang. Penurunan peratusan ini berkait rapat dengan peningkatan mendadak wanita Melayu yang dibenci tidak bekerja pada tahun itu seramai 96,138 orang.<sup>22</sup> Seperti juga tahun-tahun sebelumnya, bidang pertanian masih mencatat pekerjaan yang paling tinggi diceburi oleh wanita Melayu. Daripada 114,436 orang Melayu (lelaki dan wanita) yang terlibat dalam sektor ini, 40,885 orang atau 36% adalah kaum wanita. Daripada bilangan ini, 35,494 orang atau 86.8% wanita Melayu bergiat dalam penanaman padi.<sup>23</sup> Kejatuhan ini diikuti dengan sedikit peningkatan dalam pekerjaan yang berkaitan dengan penanaman getah. Daripada 31% wanita Melayu yang bekerja, 4956 orang atau 11.4% melibatkan diri dalam penanaman atau pengusahaan getah (bukan sebagai tuanpunya estet). Ia mencatatkan pekerjaan kedua yang paling tinggi diceburi wanita Melayu selepas penanaman padi. Ini bermaksud berlaku

<sup>21</sup> Lihat, J. E. Nathan, *The Census of British Malaya 1921*, hlm, 285-288.

<sup>22</sup> C. A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, hlm. 315.

<sup>23</sup> Daripada 38,706 orang wanita daripada semua bangsa yang terlibat dalam penanaman padi, 35,494 orang adalah wanita Melayu.

perpindahan tumpuan ekonomi wanita Melayu daripada padi ke tanaman getah. Perpindahan tumpuan ini didorong kenaikan harga getah di pasaran sejak 1924 hingga 1926.<sup>24</sup>

Sementara itu penyertaan wanita Melayu dalam sektor ekonomi yang lain tetap rendah. Namun demikian mereka masih menguasai beberapa bidang pekerjaan seperti tekstil, pembuatan tembikar, tukang jahit, perkhidmatan personel seperti menjadi pembantu rumah, bekerja di restoran, rumah tumpangan dan lain-lain. Dalam bidang perniagaan dan profesional, beberapa pekerjaan menunjukkan penurunan berbanding 1921, misalnya, wanita sebagai pemilik perniagaan, penjaja dan jawatan guru yang menurun daripada 100 orang guru wanita dalam tahun 1921 kepada 50 orang dalam tahun 1931. Sebaliknya bilangan guru lelaki mengalami pertambahan mendadak iaitu daripada 393 orang kepada 633 orang.<sup>25</sup> Peningkatan bilangan guru lelaki ini selari dengan pembukaan lebih banyak sekolah lelaki berbanding sekolah perempuan di negeri itu sehingga sebelum Perang Dunia Kedua.

### Wanita Sebagai Penyewa Tanah dan Pembiutang

Penglibatan yang tinggi wanita Melayu dalam penanaman padi membuktikan pekerjaan ini sejak zaman tradisional lagi telah dianggap oleh orang Melayu sebagai satu cara hidup. Adat dan upacara mengiringi setiap peringkat penanaman padi. Di Kedah, istilah “bertemu kop” mengaitkan selesainya satu pusingan menanam untuk

---

<sup>24</sup> Lihat, CO 576 *Federated Malay States Annual Report*, Agriculture Department, 1925-26. Lihat juga, J. H. Drabble 1991. *Malayan Rubber: The Inter-War Years*, London: Macmillan Academic and Professional Ltd., hlm. 306-310. Harga pasaran Singapura sebanyak \$1.40 sen menjadikan industri getah begitu giat diceburi peladang dan pekebun kecil. Meskipun harga merosot sedikit kepada 91 sen pada 1926 namun ia tidak memadamkan minat penduduk di Tanah Melayu untuk bergiat dalam sektor penanaman getah.

<sup>25</sup> C. A. Vlieland, *British Malaya: A Report on the 1931 Census*, hlm. 312-315.

tahun berkenaan.<sup>26</sup> Petani akan melakukan pekerjaan sampingan seperti bercucuk tanam, menternak dan sebagainya sementara menunggu tiba musim menanam padi pada tahun berikutnya. Tanggapan sebegini tidak pernah berubah dengan kemasukan ekonomi kapitalis. Justeru itu tanah dan padi merupakan asas penting kegiatan permodalan wanita Melayu. Pendapatan diperolehi bukan sahaja daripada penjualan padi (yang lebih daripada kegunaan sekeluarga) tetapi juga dari kegiatan menyewakan tanah bendang kepada orang lain melalui amalan padi kunca dan juga jual janji. Amalan padi kunca bermaksud “belum ditanam padi, buahnya dijual terlebih dahulu.”<sup>27</sup> Wang biasanya dipinjam apabila tiba musim ke sawah dengan menjual padi yang diharap akan dituai dalam tempoh lima atau enam bulan kemudian. Biasanya harga jualan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran.<sup>28</sup>

Jual janji pula melibatkan penjualan sementara tanah kepada pihak yang memberi hutang selama tiga tahun, kemudian si berhutang menyewa balik tanah itu dengan bayaran padi sehingga selesai hutang dibayar dengan wang tunai. Biasanya geran tanah diserahkan sebagai cagaran.<sup>29</sup> Berdasarkan kepentingan ini, kaum wanita di perdesaan sangat menjaga harta (tanah) mereka dan tidak teragak-agak mengheret penyewa tanah yang gagal menjelaskan sewa (padi kunca) seperti kes Che Emas bt. Mohamad Akib yang membuat dakwaan di mahkamah ke atas Saad bin Itam pada 27 Jun 1931. Kes ini berpunca daripada kegagalan Saad yang menyewa tanah Che Emas

<sup>26</sup> R. O. Winstedt 1917. “The Malay Rice Cycle”, *JSBRAS*, no. 75, hlm. 51.

<sup>27</sup> Datuk Abdul Majid Mohamed 1982. *Gerakan Kerjasama di Tanah Melayu dan Seberang Laut*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 13.

<sup>28</sup> Dalam amalan padi kunca, hutang mesti dijelaskan dengan bayaran sekunca padi pada masa menuai dan tidak boleh dibayar dengan wang tunai.

<sup>29</sup> Datuk Abdul Majid, *Gerakan Kerjasama di Tanah Melayu dan Seberang Laut*, hlm. 14. Dalam amalan jual janji, si berhutang mengalami kerugian bukan sahaja kerana terpaksa menjual tanah dengan harga yang jauh lebih murah daripada harga pasaran tetapi terpaksa pula membayar sewa tanah itu pada tiap-tiap kali musim menuai padi.

seluas tujuh relong sejak 1929 membayar sewa tanah tersebut dengan padi sebanyak empat kunca lima naleh. Saad, walau bagaimanapun, hanya membayar dua naleh sahaja. Justeru itu Che Emas menuntut baki padi kunca untuk tahun 1929 dan juga sewa tanah untuk tahun 1930 dan 1931 yang masih belum dibayar mengikut harga pasaran di samping menuntut belanja perbicaraan mahkamah.<sup>30</sup> Apabila Saad gagal menjelaskan bayaran sebagaimana arahan mahkamah, Che Emas sekali lagi membuat permohonan di mahkamah untuk menyita dan melelong harta Saad iaitu tanah bendang dua relong di Jerlun dalam daerah Kubang Pasu, yang bernilai \$80.00 mengikut harga pasaran untuk membayar hutang tersebut. Permohonan yang dibuat melalui Pegawai Daerah Kubang Pasu itu telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Walau bagaimanapun, lelongan hanya boleh dijalankan selepas tempoh enam bulan dan terhad di kalangan orang Melayu sahaja.

Kes yang serupa dapat dilihat terhadap tindakan Munah bt. Ariffin yang mendakwa Haji Ishak di mahkamah kerana gagal membayar sewa tanah bendang 10 relong milik bapanya. Munah telah mendapat kuasa ke atas harta pesaka bapanya dan menuntut sewa harga padi kunca iaitu empat kunca setahun dikira dari tahun 1924 hingga 1931. Namun memandangkan tanah tersebut masih belum ditukar nama kepada Munah, Hakim Mahkamah Rendah Alor Setar pada 26 Mac 1933 mengarahkan Haji Ishak membayar sewa tanah itu untuk enam tahun sahaja iaitu empat kunca setahun

---

<sup>30</sup> SUK Kedah 505/1352 Civil Case No. 183/1350, District Court Jitra. *Che Emas bt Mohamed Akib – Plaintiff vs Saad bin Itam – Defendant. Permission to effect auction sale of bendang and kampung land comprised under Surat Kechik No. 18341 in Mukim Jerlon, Kubang Pasu, belonging to the Defendant.* Saad diperintah oleh Mahkamah membayar sewa sebanyak tiga kunca tiga nalih atau \$66.00 (harga padi di pasaran) dan menanggung belanja pebicaraan. Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh Saad ialah \$111.55.

dengan harga \$10.00 sekunca.<sup>31</sup> Apabila Haji Ishak gagal membayar sewa tersebut Munah sekali lagi memohon untuk menyita dan melelong tanah Haji Ishak untuk membayar hutangnya.<sup>32</sup> Terdapat banyak lagi kes tuntutan mahkamah yang dibuat oleh kaum wanita berhubung masalah sewa tanah yang gagal dibayar membuktikan wanita Melayu turut menjadikan kegiatan menyewa tanah sebagai sumber pendapatan mereka.<sup>33</sup>

Wanita Melayu bukan sahaja menjadi tuan tanah dan penyewa tanah malah ada yang bijak mengatur kedudukan ekonomi dengan melakukan pelbagai kegiatan bagi menambahkan pendapatan seperti berjual, berkedai dan bermiaga barang-barang kemas. Ada di antara mereka ini akhirnya menjadi tempat orang kampung meminjam wang. Meskipun terdapat juga keadaan di mana wanita yang memberi pinjaman itu tidaklah kaya tetapi sekadar membantu rakan-rakan sekampung atau saudara mara yang dalam kesusahan, namun sekurang-kurangnya ia menunjukkan sesetengah wanita mempunyai wang simpanan yang boleh dipinjamkan pula kepada orang lain. Ada juga dalam kalangan wanita ini memperolehi sumber pendapatan setelah mengambilalih hutang-hutang yang dipinjamkan oleh suami mereka kepada orang kampung. Nyak Bulan dari Mukim Yan, misalnya, mengambilalih hutang arwah suaminya Teuku Ali setelah mahkamah memberi kuasa kepadanya di atas harta-harta suaminya itu termasuk mengutip hutang arwah suaminya daripada Haji Salleh bin Arshad sebanyak \$160.00

<sup>31</sup> SUK Kedah 2735/1351 Civil Case No. 640/1350, Lower Court, Alor Setar. Munah bt Ariffin – Plaintiff vs Haji Suha alias Haji Ishak bin Haji Salleh – Defendant. Permission to effect auction sale of bendang land comprised under Surat Putus No. 39515 in Mukim Sala Besar, Kota Setar, belonging to the Defendant.

<sup>32</sup> Tanah bendang yang hendak dilelong itu terletak di Mukim Sala Besar seluas 20 relong 289 jemba dan dinilai harga semasa sebanyak \$300.00. Permohonan Munah diluluskan oleh mahkamah.

<sup>33</sup> Selain daripada kes-kes mahkamah, adakalanya wanita sebagai penyewa tanah dapat dikesan menerusi fail harta pesaka. Lihat misalnya, SO 50/60 HCA No. 12/60 Estate of Che Sara bt Yahya, deceased. Wanita ini meninggalkan wang tunai di tangan orang lain sebagai kutipan sewa tanah bendang.

dan Hajah Pok bt. Haji Mohammad sebanyak \$100.00.<sup>34</sup> Dalam harta pesaka Haji Jusoh bin Samsu yang pengagihan harta dituntut oleh anak lelakinya, ada disebut hutang simati kepada seorang wanita yang bernama Mek Chik.<sup>35</sup> Dalam harta pesaka Bedah bt. Man juga ada disebut beliau berhutang \$30.00 kepada Tok Pah bt. Mann sementara Midah bt. Long semasa hidupnya telah berhutang sebanyak \$83.60 kepada Hamisah bt. Salleh.<sup>36</sup> Hutang sesama kenalan sekampung ini biasanya berlangsung secara mudah iaitu lebih kepada perjanjian lisan atas dasar kepercayaan kerana saling mengenali antara satu sama lain.

#### Wanita Kerabat dan Ampun Kurnia

Wanita kerabat dan mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan kelompok ini mempunyai peluang ekonomi yang lebih baik berbanding wanita biasa. Denganelaun kerabat dan peluang memiliki banyak tanah di bawah hak istimewa pemilikan tanah kerabat diraja, golongan ini mempelbagaikan sumber pendapatan dengan memajak, menyewa tanah dan membina rumah sewa sebagaimana yang dilakukan oleh Che Manjalara dan beberapa kerabat lain. Peluang juga diperolehi oleh wanita dalam kategori ini untuk mengumpul harta melalui ampun kurnia raja sebagaimana yang diperolehi oleh beberapa wanita bangsawan pada 1909.<sup>37</sup> Ampun kurnia merupakan hadiah daripada sultan kepada seseorang untuk seumur hidup. Sistem ini telah lama diamalkan tetapi semakin meningkat sewaktu Kedah di ambang kebangkrutan pada awal abad ke-20. Apabila kerajaan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan wang bagi membayar tuntutan daripada kalangan kerabat diraja dan juga untuk membayar

<sup>34</sup> SO 48/56 HCA No. 20/56 *Estate of Haji Bulan alias Haji Nyak Bulan alias Nyak Bulan bt Chut Matt alias Chut Mohd, deceased.*

<sup>35</sup> K/SUK 2 *Kedah Government Gazette*, 4 April, 1936, 33(13), no. 1.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 16 Mei 1936 13(4), no. 346 & 476.

<sup>37</sup> CO 716 *Kedah Annual Report 1909 (1327)*. Lihat, Apendiks F.

gaji kepada pegawai-pegawai kerajaan, masalah ini diselesaikan dengan mudah iaitu atas nama elauan dan gaji tersebut, mereka diberi hak untuk mengutip sesetengah duti eksport dan juga hak ke atas pasar dan feri di beberapa tempat di negeri itu. Pemberian ampun kurnia dalam bentuk kebenaran mengutip sesetengah duti eksport sebagai ganti gaji yang perlu dibayar ternyata menguntungkan kedua-dua pihak; dari sudut kerajaan, ia mengurangkan tekanan kepada tabung kewangan kerajaan sementara di pihak penerima, ia memberikan pendapatan tetap kepada mereka kerana biasanya penerima akan memajakkan kutipan cukai tersebut kepada orang Cina dengan bayaran tetap setiap bulan.

Menjelang 1909, terdapat 21 ampun kurnia termasuklah beberapa orang wanita sebagai pemegangnya. Kebanyakan pemegang ampun kurnia ini terdiri daripada kalangan kerabat, pembesar serta orang-orang yang rapat dengan sultan seperti Wan Zainah yang mendapat hak ke atas pas kuala di Kuala Kedah. Wan Zainah berkuasa mengeluarkan dan mengenakan bayaran ke atas semua kapal yang masuk ke Kuala Kedah dari Alor Setar. Sharipah Siha, isteri Sultan Abdul Hamid, mendapat ampun kurnia hak mengutip tol pasar Sungai Petani. Wan Mah pula mendapat ampun kurnia hak mengutip bayaran keluar masuk ke pelabuhan di Kuala Kedah. Che Minah pula diberi hak pengangkutan ke atas feri Kuala Merbok. Saripa Siah mendapat ampun kurnia pengangkutan feri di Sungai Petani dan Semiling dan Che Siah mendapat empat feri di Kuala Muda untuk tujuan pengangkutan.<sup>38</sup> Hak ampun kurnia ini, walau bagaimanapun, semakin berkurangan ekoran tindakan kerajaan mengambil alih pajakan dan perjalanan kewangan yang tidak menguntungkan. Pada tahun 1910, misalnya, lima ampun kurnia telah diambil alih oleh kerajaan setelah tempoh sewa yang biasanya

<sup>38</sup> *Ibid.*

diberikan oleh pemegang kepada pemajak Cina tamat. Antara ampun kurnia yang terlibat ialah hak Che Minah ke atas feri Kuala Merbok dan Che Siah ke atas empat feri di Sungai Muda. Kedua-dua mereka telah dibayar gantirugi oleh kerajaan yang kemudiannya menyewakan semula hak-hak tersebut untuk tempoh yang singkat kepada sesiapa yang menawarkan harga yang tinggi. Menjelang akhir 1911, hanya tinggal enam ampun kurnia termasuk satu-satunya yang dipegang oleh wanita iaitu Wan Zainah ke atas pas kuala, Kota Setar. Bagi pemegang ampun kurnia, tawaran dari kerajaan yang agak lumayan menyebabkan sesetengahnya secara sukarela menyerahkan hak-hak tersebut kepada kerajaan.<sup>39</sup>

### **Gejala Berhutang di kalangan Wanita Melayu**

Sehingga pertengahan abad ke-20, hubungan antara aspek pemodal dan kedudukan sesuatu isi rumah sebagai satu unit penggunaan lebih membayangkan dua perkara. Pertama, penggunaan itu terletak dalam sempadan kekeluargaan dan kedua, pendapatan atau sesuatu perolehan itu dikumpul dan digunakan bersama dan tidak wujud penggunaan secara individu. Ia juga tidak dapat lari daripada konsep pergantungan. Dalam masyarakat petani, misalnya, oleh kerana penerokaan tanah mengambil masa tiga tahun sebelum boleh dimulakan tanaman, seseorang petani itu perlu mempunyai pergantungan lain samada tanah lain yang boleh diusahakan atau melakukan pekerjaan lain. Dalam keadaan terdesak mereka perlu bergantung kepada saudara mara dan sahabat handai malah terpaksa berhutang kepada pihak lain. Masalah hutang merupakan perkara biasa di kebanyakan kawasan penanaman padi di negara

<sup>39</sup> Sharom Ahmat 1984. *Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development of Kedah, 1878-1923*, Kuala Lumpur: MBRAS, Monograph no. 12, hlm. 135. Sesetengah wanita kerabat mengusahakan ternakan. Lihat, CO 716 Kedah Annual Report 1909, hlm. 45. Tunku Asiah menyerahkan ternakannya kepada kerajaan apabila Undang-Undang Kuarantin dikuatkuasakan berikutan serangan penyakit kuku dan mulut.

Asia. Ini adalah kerana kewujudan institusi-institusi untuk membiayai penanaman, penuaian dan pemasaran padi masih belum memadai. Oleh kerana petani juga tidak mempunyai kuasa tawar menawar mereka seringkali menjadi mangsa orang tengah.<sup>40</sup>

Penanaman padi, selain tidak dapat diduga hasilnya, memerlukan satu bentuk modal untuk memulakan usaha cucuk tanam. Modal ini bukan setakat untuk menampung keperluan membeli benih tetapi juga untuk belanja waktu kecemasan termasuk keperluan harian, kenduri kendara dan kematian. Pinjaman pula bukan sahaja terbatas kepada wang tunai malah melibatkan juga alat-alat pertanian, berhutang barang-barang makanan di kedai dan sebagainya. Oleh kerana pada peringkat awal tiada sebarang bentuk organisasi yang menawarkan pinjaman secara formal, pinjaman biasanya diperolehi di sekitar kampung iaitu daripada saudara mara, sahabat handai, kedai-kedai kecil tempatan yang menjadi tempat penduduk kampung berhutang barang makanan serta tauke-tauke Cina, ceti, peniaga India-Muslim dan Arab yang tinggal di kawasan bandar.

Tarikan utama untuk meminjam daripada golongan peminjam wang di luar kampung terutamanya ceti adalah berdasarkan beberapa faktor. Pertama, pinjaman boleh diperolehi secepat mungkin dan cara berurusan dengan golongan ceti pula agak mudah iaitu berteraskan surat perjanjian dan cagaran seperti geran tanah dan barang-barang kemas. Adakalanya pinjaman dibuat tanpa sebarang cagaran malah lebih berasaskan sikap mempercayai pelanggan mereka. Kes seperti ini lebih kerap berlaku di kalangan kerabat diraja. Selain daripada itu sikap ramah tamah dan tanggapan umum

---

<sup>40</sup> V. D. Wickizer & M. K. Bennet 1941. *The Rice Economy of Monsoon Asia*, California: Stanford University, Food Research Institute, hlm. 75-76.

golongan ceti sebagai peniaga yang jujur dan boleh dipercayai juga menjadi faktor yang mendorong wanita Melayu memilih pinjaman dalam bentuk ini meskipun mereka terpaksa berdepan dengan kadar bunga yang tinggi serta risiko kehilangan tanah. Selain kaum lelaki, nama-nama wanita Melayu (termasuk wanita kerabat) kerap muncul dalam rekod-rekod hutang ceti yang dapat dikesan samada melalui fail harta pesaka wanita berkenaan atau fail harta pesaka ceti. Senarai harta pesaka ceti L. K. R. L. Karuppiya alias R. M. L. K. R. Karuppan, misalnya, menunjukkan 53 orang wanita Melayu berhutang kepadanya. Pinjaman dibuat secara perseorangan dan ada yang meminjam bersama suami atau adik beradik dan rakan-rakan sekampung. Jumlah pinjaman berlebar di sekitar \$27.00 hingga \$5,520.00 dan cara bayaran pula dibuat secara ansuran ataupun dengan menggadaikan harta benda seperti tanah kepada ceti berkenaan.<sup>41</sup>

Ceti Karuppiya adalah antara ceti yang berpengaruh bukan sahaja di Kedah malah di Pulau Pinang dan Negeri-negeri Selat. Karuppiya juga amat popular di kalangan kerabat diraja Kedah. Berdasarkan nama-nama yang tercatat dalam senarai orang yang berhutang kepada ceti ini, beberapa nama wanita kerabat diraja Kedah dapat dikesan, antaranya, Tunku Hajar, Tunku Zam-Zam dan Tunku Rakiah yang telah membuat pinjaman bersama seorang wanita Cina bernama Nyonya Soh Sim dan dengan Syed Hashim dalam satu lagi pinjaman, Tunku Putri, Tunku Safora, dan Tunku Noor Zainatolzaman. Pinjaman mula dibuat dari tahun 1937 dengan jumlah pinjaman yang berbeza-beza sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.4.

---

<sup>41</sup> SO 30/60 HCA No. 6/60 *Estate of L. K. R. L Karuppiya alias R. M. L. K. R. Karuppan Chettiar, deceased.* Lihat, senarai B, B1, dan C.

Jadual 4.4 Senarai kerabat diraja Kedah yang berhutang kepada ceti Karuppiya

Nama	Tarikh mula berhutang	Jumlah
Tunku Hajar bt. Tunku Abdul Jalil (bersama dua orang lagi kerabat)	10 Oktober 1939	\$100.00
Tunku Zam-Zam bt. Tunku Baharom (bersama-sama Tunku Rabiah bt. Tunku Deris dan Nyonya Soh Sim)	1 Ogos 1939	\$140.00
Tunku Zam-Zam, Tunku Rakiah bt. Sultan Abdul Hamid dan Syed Hashim bin Syed Abdul Rahman	4 Ogos 1939	\$810.00
Tunku Zainulabidin bin Sultan Abdul Hamid	23 Disember 1939	\$200.00
Tunku Izham	1 September 1937	\$120.00
Tunku Putri bt. Tunku Mohamed	11 Ogos 1937	\$ 72.00
Tunku Izham	14 November 1937	\$1400.00
Tunku Md. Jiwa	23 Ogos 1937	\$120.00
Tunku Izham bin Tunku Ibrahim	11 September 1937	\$400.00
Tunku Ismail bin Tunku Yahya dan Fatimah bt. Yope	29 Mac 1939	\$680.00
Tunku Bahaudin bin Tunku Yahya dan 2 orang rakan	24 November 1939	\$120.00
Tunku Safora bt. Tunku Ismail dan Syed Omar bin Syed Osman	25 Mei 1939	\$120.00
Tunku Abdul Hamid bin Tunku Ibrahim dan Salim bin Mohamed Akib	4 Februari 1940	\$120.00
Tunku Abdul Hamid bin Tunku Ibrahim dan Ibrahim bin Awang Kechik	22 Ogos 1939	\$ 60.00
Tunku Noor Zainatolzaman bt. Tunku Mohamed dan Tunku Abdul Hamid bin Tunku Ibrahim	14 September 1939	\$280.00

Sumber: Dipadankan daripada SO 30/60 *Estate of L. K. R. L. Karuppiya alias R. M. L. K. R. Karuppan Chettiar.*

Berdasarkan jadual 4.4 didapati hutang kerabat diraja kepada ceti Karuppiya adalah berjumlah \$4642.00. Pinjaman yang dibuat oleh kerabat wanita pula adalah di sekitar \$72.00 hingga \$280.00.

Kesediaan memberi pinjaman dalam jarak yang dekat dan berulang kali kepada orang yang sama menjadikan Karuppiya begitu disenangi oleh orang Melayu. Sebagai contoh, Chik bt. Awang telah membuat dua pinjaman dalam masa dua hari berturut-turut daripada ceti ini. Pinjaman pertama dibuat bersama dua orang lelaki Melayu pada 19 Januari 1939 berjumlah \$60.00. Pada hari berikutnya iaitu pada 20 Januari 1939, Chik dan dua orang rakan yang sama sekali lagi membuat pinjaman dengan jumlah yang serupa. Dalam satu lagi kes, Che Chah bt. Haji Abdullah telah membuat dua pinjaman kepada ceti Karuppiya dalam tempoh dua hari berturut-turut. Pada 5 Januari 1940, Che Chah meminjam sebanyak \$1,000.00 dan pada keesokan harinya meminjam lagi sebanyak \$115.00. Antara wanita kerabat yang membuat pinjaman secara berturut-turut ialah Tunku Zam-Zam bt. Tunku Baharom. Dalam jangka masa tiga hari Tunku Zam-Zam telah membuat dua pinjaman kepada ceti Karuppiya iaitu pada 1 dan 4 Ogos 1939. Kedua-dua pinjaman ini merupakan pinjaman bersama dengan beberapa kerabat diraja yang lain dan seorang wanita Cina.<sup>42</sup> Di pihak ceti, kegiatan memberi hutang kepada orang Melayu menjanjikan pulangan yang lumayan. Dalam kes ceti Karuppiya, pinjaman pokok kepada orang Melayu sahaja dikatakan berjumlah \$52,727 (tidak

---

<sup>42</sup> *Ibid.* senarai C.

termasuk bunga)<sup>43</sup> berbanding pinjaman pokok orang bukan Melayu yang hanya berjumlah \$11,477.00.<sup>44</sup>

Seorang lagi ceti yang menjadi tumpuan orang Melayu termasuk wanita biasa dan wanita kerabat di Kedah ialah ceti Narayanan. Narayanan meninggalkan harta pesaka yang dinilai oleh Pejabat Stamp sebanyak \$317,239.26 dalam bentuk tanah lot, tanah getah, rumah, surat-surat hutang dan gadaian dan lain-lain lagi. Jumlah hutang yang masih ada kepada ceti ini ialah \$78,200.13.<sup>45</sup> Ceti-ceti lain seperti Chidambaran, walaupun tidak popular di kalangan kerabat namun majoriti yang berhutang kepada beliau terdiri daripada orang Melayu termasuk dua orang kerabat iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tunku Abdul Aziz. Seramai 40 orang wanita Melayu telah berhutang kepada Chidambaran yang memperolehi pendapatan sebanyak \$52,97.60 daripada kegiatan meminjamkan wang.<sup>46</sup>

Kemasukan institusi ceti ke Tanah Melayu sebenarnya berkait rapat dengan kemasukan kapitalisme Barat. Aspek modal yang merupakan ciri utama kapitalisme memberi ruang besar kepada kemunculan golongan pemutang wang. Di samping itu beberapa keadaan di Negeri-Negeri Melayu sendiri nampaknya memberi peluang kepada golongan ini untuk bertapak. Sebagaimana tegas Sharom Ahmat, usaha Majlis Mesyuarat Negeri untuk memperbaiki kedudukan kewangan selepas 1905 seperti

<sup>43</sup> *Ibid.*, senarai C. Kiraan dibuat berdasarkan penyata yang mengandungi nama orang Melayu sahaja. Terdapat beberapa penyata yang menunjukkan orang Melayu dan orang bukan Melayu membuat pinjaman bersama.

<sup>44</sup> *Ibid.* Lihat senarai C. Hitungan dibuat ke atas penyata yang melibatkan orang bukan Melayu sahaja dan tidak melibatkan penyata orang Melayu dan orang bukan Melayu yang membuat pinjaman bersama. Pinjaman asas ini tidak termasuk kadar bunga yang dikenakan.

<sup>45</sup> SO 86/58 HCA No. 36/58 *Estate of S. L. N. Narayanan Chettiar, deceased.* Lihat senarai A 1.

<sup>46</sup> Lihat EDO 112/49 SCA Petition No. 214/49 *Estate of Moona Yena Moona Moona (M. Y. M. M.) Chidambaran Chettiar also known as Moona Ithana Thana (M. I. T.) Chidambaran Chettiar, deceased*

menamatkan sistem pajakan cukai, menggalakkan kemasukan pemodal ke negeri itu serta menghapuskan kerah dan amalan orang berhutang meskipun dilihat sebagai langkah yang perlu dibuat oleh kerajaan namun di pihak rakyat, mereka terpaksa berdepan dengan suasana baru dan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan suasana persaingan yang baru.<sup>47</sup>

Dalam konteks pra penjajahan, meskipun pulangan yang diperolehi rakyat adalah kecil namun tanggungjawab mereka juga kecil. Dari segi pertanian, petani tidak mempunyai insentif untuk menambahkan pengeluaran kerana halangan tertentu, misalnya, tidak cukup tenaga buruh, tiada binatang ternakan untuk kerja-kerja membajak dan sistem kerah yang diamalkan di negeri itu turut menyekat para petani daripada meluangkan lebih masa di sawah mereka sendiri. Sistem ini menjadikan petani tidak pernah bercita-cita tinggi kerana lebihan pengeluaran bermaksud lebih banyak hasil terpaksa diserahkan kepada pembesar. Sementara itu kesedaran menyimpan wang juga sukar dilaksanakan kerana ketiadaan organisasi yang menguruskan hal ini sedangkan risiko kehilangan harta sangat tinggi ketika berlaku banjir, kebakaran dan kecurian. Sikap saudara mara dan jiran-jiran sekampung yang mendesak untuk berhutang juga menjadi satu sebab mengapa aspek penyimpanan atau penjimatan amat lemah di kalangan penduduk kampung. Wang juga digunakan untuk membiayai upacara semangat padi yang diketuai pawang yang perlu dihadiahkan dengan bayaran atau barang tertentu. Sementara itu sikap orang Melayu terhadap pemilikan harta juga kelihatan tidak menguntungkan, misalnya, mereka gemar menyimpan harta-harta yang tidak boleh dipusing sebagai modal seperti emas (yang tertakluk kepada turun-naik harga), dan ternakan lembu yang hanya boleh dijual dengan

---

<sup>47</sup> Sharom Ahmat, *Tradition and Change in a Malay State*, hlm. 176.

lebih banyak dan lebih menguntungkan hanya semasa musim perayaan. Orang Melayu tidak akan menjual harta-harta ini sewenang-wenangnya kerana berpendapat wang yang diperolehi akan habis digunakan sedangkan peluang untuk mengumpulkan harta-harta itu semula amat tipis.<sup>48</sup>

Dengan munculnya ekonomi berbentuk wang, tanggungjawab rakyat menjadi lebih besar. Perubahan mula dirasakan oleh petani sejak Sultan Abdul Hamid memajakkan pajakan cukai padi dan beras kepada pemajak-pemajak Cina. Tindakan ini amat menguntungkan pemajak Cina kerana mereka membayar sewa tetap setiap tahun. Untuk memastikan bekalan padi untuk eksport diperolehi secara besar-besaran dan menguntungkan, pemajak-pemajak Cina ini memerangkap petani-petani Melayu dalam perangkap hutang dengan berselindung di sebalik tujuan untuk membantu mereka. Sultan sendiri pada 1894 pernah menyokong niat seorang pemajak Cina bernama Phua Leong untuk “membantu” orang Melayu dengan mengeluarkan arahan bahawa rakyat yang ingin mendapatkan pinjaman daripada Phua Leong mesti membuat perjanjian dengan meletakkan tanah mereka sebagai sandaran. Apabila pinjaman tidak dapat dibayar di dalam tempoh yang ditetapkan, rakyat terpaksa menyerahkan lebih banyak bahagian daripada hasil tuaianya atau terpaksa menghadapi risiko kehilangan tanah.<sup>49</sup> Oleh kerana padi merupakan tanaman bermusim maka pendapatan juga

<sup>48</sup> Untuk meninjau kaitan pertanian, penjimatan dan persepsi orang Melayu terhadap harta, lihat, Cheng Siok Hwa 1969. “The Rice Industry of Malaya: A Historical Survey”, *JMBRAS*, 42 (2), hlm. 131; M. G. Swift 1964. “Capital, Saving and Credit in a Malay Peasant Economy,” dalam Raymond Firth and B. S. Yamey (peny.), *Capital, Saving and Credit in Peasant Societies: Studies from Asia, Ocenia, the Caribbean and Middle Africa*, London: Allen & Unwin, hlm. 136.

<sup>49</sup> Sharom Ahmat, 1979. “The Kedah Sultanate in the Nineteenth Century: Some Economic Aspects” dalam Asmah Haji Omar (peny.). *Darulaman: Essays on Linguistic, Cultural and Socio-Economic Aspect of the Malaysian State of Kedah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 155. Lihat juga, CO 716 Kedah Annual Report 1909. Apendiks E. Pada awal tahun 1909, misalnya, terdapat 47 pajakan cukai di negeri itu. Ia termasuklah pajakan cukai padi dan beras Kota Setar kepada seorang pemajak Cina bernama Low Leng Chong selama enam tahun dengan sewa tahunan sebanyak \$50,000.00

bermusim. Petani menjual sedikit padi selepas dituai dan menjual lagi lebihan padi yang ada apabila memerlukan wang. Keadaan menjadi lebih terdesak apabila muncul keadaan kecemasan seperti kematian, sakit dan apabila tanaman padi tidak menjadi sepetimana yang berlaku dalam tahun 1910, 1921 dan 1930.<sup>50</sup> Masalah hutang orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dikatakan begitu serius malah mengikut anggaran sebuah akhbar Melayu, jumlah hutang orang Melayu berjumlah \$25 juta jauh mengatasi jumlah penduduk Melayu ketika itu yang seramai 2,142, 586 juta orang.<sup>51</sup>

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh para petani ialah harga padi dan beras yang jauh berbeza tidak membolehkan mereka mengecapi kesenangan hidup walaupun sepanjang waktu berhempas pulas mengerjakan sawah. Di sekitar Alor Setar, pada tahun 1912, harga padi ialah lapan sen berbanding harga beras 23 sen. Fenomena yang wujud waktu itu ialah kilang-kilang beras yang dikuasai sepenuhnya oleh orang-orang Cina mendapat keuntungan besar sementara yang malang ialah para petani Melayu yang terpaksa menjual padi dengan harga yang rendah. J. Reid, pengurus sebuah kilang beras besar di Burma yang telah dijemput oleh Majlis Mesyuarat Negeri untuk meninjau keadaan tersebut pernah mengesyorkan kepada kerajaan agar mengambil langkah tertentu untuk membantu para petani mendapatkan harga yang berpatutan bagi padi mentah.<sup>52</sup>

<sup>50</sup> SUK Kedah 322/1340 *Kedah Annual Report for 1339 (September 1920- September 1921)*, hlm. 17. Dalam tahun 1339, petani mengalami kerugian besar akibat banjir, kemarau dan serangan penyakit ke atas ternakan yang digunakan untuk membajak sawah. Lihat juga, SUK Kedah 762/1349 *Distress of the Rakyats at Langkawi*. Pada tahun 1930, Pegawai Daerah di Langkawi melaporkan kepada kerajaan tentang kesusahan yang dialami oleh penduduk di kawasan itu akibat tanaman padi dan beras yang tidak menjadi kerana kemarau. Beliau memohon bantuan kerajaan memberi beras percuma kepada penduduk Langkawi. Di beberapa kawasan seperti Mukim Ayer Hangat, ada laporan daripada penghulu mukim itu tentang kejadian kebuluran akibat ketiadaan beras.

<sup>51</sup> Mohd. Isa Othman 2001. *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hlm. 73. Akhbar tersebut ialah *Akhbar Majlis*, 25 Oktober 1934.

<sup>52</sup> P/SP2 *Federal Secretariat Kedah Annual Report 1913*, hlm. 23

Apabila tanaman padi tidak mencukupi untuk menampung keperluan sekeluarga, para petani terpaksa bergantung kepada pihak lain. Dari sinilah munculnya amalan bertauke yang memberi peluang kepada orang Cina mengeksplorasi petani melalui kawalan ke atas pemasaran. Laporan tahunan untuk 1913 mendapati majoriti petani Melayu di Kedah pada waktu itu berada dalam cengkaman pemborong Cina yang dari masa ke semasa memberi pinjaman yang biasanya akan dibayar selepas padi dituai. Kadar faedah bukan sahaja tinggi malah peminjam terpaksa menjual hasil tuaian mereka kepada pemborong-pemborong tadi dengan harga yang jauh lebih rendah daripada harga di pasaran. Meskipun kerajaan cuba memecahkan cengkaman orang tengah Cina dengan memperkenalkan skim-skim pinjaman, namun kesannya tidaklah begitu besar. Dari satu segi, pinjaman yang disyorkan iaitu sekitar \$30.00 hingga \$60.00 tidaklah berjaya melepaskan petani daripada masalah hutang. Suasana seperti ini masih kekal di kalangan petani Melayu negeri Kedah selepas 1940-an.<sup>53</sup> Bagi rakyat yang tidak mempunyai tanah, menggadaikan barang kemas di pajak gadai Cina merupakan jalan keluar yang biasa bagi mereka. Kerugian sentiasa berada di pihak mereka kerana biasanya harga yang disebut oleh pemajak gadai adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Barang kemas bernilai \$100.00, misalnya, digadaikan dengan harga \$25.00 sahaja. Orang kampung juga berhutang kepada orang Cina melalui amalan padi kunca. Amalan ini sangat menguntungkan orang Cina, misalnya, pinjaman wang \$50.00 akan dibayar dengan lima kunca padi. Orang Cina ini kemudiannya menjual padi itu dengan harga \$20.00 sekunca. Ini bermakna untuk lima

---

<sup>53</sup>Lihat Diana Wong 1987. *Peasants in the Making: Malaysia's Green Revolution*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, bab 9.

kunca padi orang Cina mengaut keuntungan \$100.00 iaitu dua kali ganda harga pinjaman.<sup>54</sup>

Selain pemajak dan tauke-tauke Cina, golongan ceti turut memberi saingan kepada tabung pinjaman kerajaan malah menjadi sumber pinjaman jangka panjang terpenting di negara ini sebelum kemunculan bank-bank moden dan pertumbuhan pergerakan koperasi kerjasama mulai 1930-an. Mereka menubuhkan firma-firma di Tanah Melayu dengan pelanggan terdiri daripada peladang Eropah, ahli perniagaan dan pelombong Cina, peniaga India dan petani Melayu.<sup>55</sup> Cawangan perniagaan dibuka di pekan-pekan di kawasan luar bandar yang dijangkakan boleh mendapat ramai pelanggan. Melalui cara inilah golongan ceti mengembangkan perniagaan bukan sahaja di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu tetapi juga di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu terutamanya di Johor dan Kedah. Di Alor Setar dan Kangar, ceti India menubuhkan syarikat peminjam wang yang sah dan beroperasi di bangunan kedai. Mereka bukan sahaja mengumpulkekayaan malah juga berpengaruh di kalangan kerabat diraja dan pegawai kerajaan. Ceti Jagar Singh yang terkenal di Perlis, misalnya, pernah menawarkan kepada kerajaan Perlis untuk membeli sebahagian daripada negeri itu. Permohonan ini bukan sahaja dianggap keterlaluan malah membuktikan ketidaksetiaan Jagar Singh kepada negeri Perlis. Akibatnya Jagar Singh dikenakan hukuman dibuang negeri seumur hidup.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> *Chahaya Malaya*, 10 November 1927, hlm. 2-3.

<sup>55</sup> Untuk mendapatkan latar belakang tentang pergerakan golongan ceti ini, lihat, Kernial Singh Sandhu 1969. *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*. London: Cambridge University Press. Lihat juga, Sinnappah Arasaratnam 1979. *Indians in Malaysia and Singapore*, revised edition, London: Oxford University Press; Lim Teck Ghee 1977. *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 84.

<sup>56</sup> Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis*, hlm. 73.

Kegiatan golongan ceti juga dilihat menjadi satu sebab mengapa usaha kerajaan menyediakan pinjaman terhad kepada petani menemui kegagalan sepetimana yang berlaku di negeri Perak di sekitar tahun 1911. Pinjaman yang ditawar oleh kerajaan hanya sekadar membantu petani Melayu membeli kerbau dan peralatan pertanian, membaiki rumah, membuka tanah dan menebus tanah mereka yang tergadai dan bukannya membantu orang Melayu menjalankan kegiatan pertanian dan perlادangan secara besar-besaran. Oleh kerana sesuatu pinjaman mengambil masa yang agak lama untuk diluluskan dengan pinjaman juga terhad dan perlu dibayar balik dalam masa yang singkat, skim pinjaman kecil yang diperkenalkan oleh kerajaan tidak mendapat sambutan orang Melayu. Laporan tahunan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melaporkan hanya \$33,000 sahaja yang dipinjam oleh orang Melayu bagi tahun 1910 daripada peruntukan sebanyak \$100,00. Di Perak pada 1912, hanya \$2,500 sahaja dipinjam oleh orang Melayu<sup>57</sup>. Dalam satu laporan yang mengkaji punca kegagalan skim pinjaman kecil di Perak, saingenan daripada golongan ceti turut disebut sebagai salah satu punca kegagalan:

Mereka ini nampaknya mempunyai modal yang tidak terhingga: satu-satunya tujuan dalam kehidupan mereka ialah meminjam dan meminjamkan wang; mereka ini sopan dan lemah lembut orangnya, mereka terkenal di kalangan orang Eropah dan Asia tentang kejujuran mereka, dan juga terkenal tentang budi mereka yang baik terhadap peminjam, dan mereka juga nampaknya bersikap bersungguh-sungguh mengalami kerugian yang besar. Suatu hakikat yang diketahui ramai ialah apabila ceti-ceti ini mengenali seseorang Melayu yang agak baik kedudukannya, mereka selalu meminjamkan wang kepadanya hanya dengan menurunkan tanda tangan sahaja dan tidak payah ada sebarang cagarapun. Oleh kerana mereka menyimpan wang di “bank” dengan kadar 10 peratus dan meminjamkannya dengan kadar 36 peratus setahun, atau boleh jadi lebih tinggi daripada itu, tentunya mereka mendapat untung yang sungguh lumayan dan oleh kerana mereka telah berkecimpung dalam bidang “bank” sejak berkurun-kurun

---

<sup>57</sup> Ahmad Nazri Abdullah 1985. *Melayu dan Tanah*, Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd., hlm. 55-56.

mereka faham benar mengenai bidang perniagaan mereka. Tidak ada tabung wang kerajaan yang dapat menandingi mereka kecuali dalam beberapa hal yang terhad sahaja. Mereka tidak peduli bagaimana wang yang dipinjamkan itu digunakan, sebagaimana yang perlu diketahui oleh pihak kerajaan, mereka hidup, atau pun orang-orang mereka hidup bersama masyarakat orang yang meminjam wang dari mereka dan boleh merasakan denyutan nadi pergerakan seseorang jika mereka mahu berbuat demikian. Mereka berani tarung nasib atas gerak geri dan perangai manusia dan juga atas kemalangan dalam kehidupan. Mereka sebenarnya memang orang bermiaga bukannya jabatan kerajaan, dan mereka memahami perniagaan mereka sebagai orang yang ahli dalam bidang tersebut dan bukannya orang baharu mencuba-cuba. Pada hakikatnya yang Tabung Pinjaman Kerajaan ini ditubuhkan dengan modal sebanyak \$25,000/- tidak bererti apa-apa kepada mereka kerana dalam jajahan Krian sahaja jumlah perniagaan mereka ialah \$400,000/. Kehadiran mereka ini, yang senantiasa mempunyai wang yang banyak, sanggup memberikan apa sahaja dengan syarat yang mudah asalkan sahaja bunganya banyak, meminjamkan lebih sedikit daripada taksiran tiap-tiap ceti, meminjamkan wang apabila diminta serta menyimpan wang dalam bank, tentunya akan merupakan satu saingan yang hebat kepada Tabung Pinjaman Kerajaan.<sup>58</sup>

Kecenderungan orang Melayu meminjam kepada golongan ceti adalah kerana pinjaman yang ditawarkan itu tiada hadnya, mudah diperolehi dan pembayarannya pula tidak ditentukan masa.

Di Kedah, seperti mana juga di negeri lain di Tanah Melayu, perniagaan ceti diuruskan oleh ejen yang dilantik oleh firma-firma yang berpusat di India. Ejen-ejen ini yang juga daripada golongan ceti diberi modal untuk memulakan perniagaan di Tanah Melayu dengan dibayar gaji dan juga diberi bonus atau pembahagian dalam keuntungan. Tempoh perniagaan sesuatu ejen biasanya memakan masa tiga tahun.

---

<sup>58</sup> William R. Roff 1984. *Kerjasama dan Koperasi Di Semenanjung 1910-1941*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm. 17-18. Sebab-sebab lain termasuk menghadkan penggunaan pinjaman kepada pertanian semata-mata, syarat pinjaman yang tidak disukai seperti tidak dibenarkan melanjutkan tempoh membayar balik pinjaman dan publisiti yang kurang.

Golongan ceti, sebagaimana sifat perniagaan mereka yang sentiasa mengikuti perkembangan pasaran di Asia Tenggara, bukan sahaja memberi tumpuan kepada perniagaan peminjaman modal malah juga peniagaan lain. Di Kedah sahaja, ceti turut terlibat dalam perniagaan kedai kain, barang runcit, menguruskan estet, melabur dalam saham dan bond, perlombongan dan peleburan timah, memiliki lot-lot tanah di kawasan bandar yang tinggi nilainya di pasaran, dan membina rumah dan bangunan untuk disewa. Selain dibeli, tanah juga diperolehi oleh ceti daripada gadaian peminjam yang gagal membayar hutang melalui proses perbicaraan di mahkamah. Ejen-ejen ini adakalanya bekerja dengan ceti yang kegiatan mereka berpusat di Pulau Pinang. Salah seorang ceti di Pulau Pinang yang mempunyai aset pelaburan yang besar di Kedah ialah Sockalingam. Sockalingam menetap di Penang Street dan mati pada 1941 dengan meninggalkan wang tunai berjumlah \$29,383.00. Harta, aset, saham dan wang yang dipinjamkan oleh Sockalingam bukan sahaja terdapat di Pulau Pinang malah juga di negeri Kedah dan Perak. Di Kedah sahaja, jumlah wang yang dipinjamkan oleh ceti ini ialah \$49,706 berbanding \$5,778.51 di Perak. Aset ceti ini di Kedah kesemuanya berjumlah \$99,366.00. Semua urusan perniagaan Sockalingam dikendalikan melalui syarikat Kana Sona yang mana 1/5 daripada saham syarikat itu adalah milik beliau. Secara keseluruhannya harta pesaka Sockalingam yang berdasarkan 1/5 bahagian miliknya dalam syarikat tersebut berjumlah \$122,104.00<sup>59</sup>

---

<sup>59</sup> Lihat beberapa contoh ceti yang perniagaan mereka berpusat di Pulau Pinang, misalnya, *SO 10/60 To Value Certain Property Relating to Estate of K. S. Sockalingam Chettiar s/o Karuppan Chettiar*.

Kebanyakan golongan ceti yang bergiat di Kedah berasal dari daerah Selatan India iaitu Ramnad, dan di Alor Setar, mereka mendiami kawasan Pekan Cina.<sup>60</sup> Mereka juga mempunyai rangkaian perniagaan di negeri-negeri Melayu yang lain. Sebagai contoh ceti Somasundaram di No. 12, Pekan Cina meninggalkan harta pesaka berjumlah \$45,896.48 yang meliputi perniagaan di Kedah dan juga di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.<sup>61</sup> Dengan kekayaan yang berjaya dikumpul semasa berkhidmat di Tanah Melayu, ceti atau ejen mereka mampu memulakan perniagaan sendiri apabila pulang ke India.<sup>62</sup>

Dalam tempoh 1900 hingga 1940-an, fenomena wanita Melayu berhutang dapat dikesan menerusi penelitian ke atas dokumen-dokumen kerajaan Kedah. Penelitian ini juga mendedahkan bahawa hutang menjadi sebab utama orang Melayu (termasuk kaum wanita) kehilangan tanah. Tinjauan ke atas fail-fail ini mendapati di kalangan wanita rakyat biasa, sebab utama mereka berhutang ialah untuk menampung keperluan sehari-hari yang seringkali dilanda masalah akibat pergantungan kepada pertanian bermusim seperti tanaman padi. Di samping itu ada juga yang berhutang

<sup>60</sup> Di antara ceti - ceti di Kedah yang berasal dari daerah Ramnad ialah K. A. L. R. M. Karuppan, S. M. Somasundrum, N. A. R. Arunasalam, M. R. P. L alias S. K. R. S. Palaniappa, A. M. A. Murugappa, A. R. S Subramaniam, K. N. K. M. Kumarappan dan ramai lagi. Untuk meninjau sejarah Pekan Cina, lihat Ismail Md. Isa 1988. "Sejarah Pekan Cina, 1821-1945: Asal-Usul Penubuhan dan Perkembangannya hingga Zaman Pendudukan Jepun," mini tesis, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 18. Pekan Cina merupakan antara penempatan orang Cina yang paling awal di Alor Setar. Ia didiami oleh masyarakat peniaga Cina yang menjalankan perniagaan seperti membuka kedai barang runcit dan barang pertanian. Perniagaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan yang erat antara orang Melayu dengan orang Cina lalu memberi peluang kepada orang Cina membeli tanah pertanian milik Melayu. Kajian ini, walau bagaimanapun, tidak menyentuh langsung tentang masyarakat ceti yang juga menguasai kawasan tersebut.

<sup>61</sup> EDO 48/49 SCA Petition No. 90/49 Estate of S. M. Somasundaram Chettiar (*deceased*).

<sup>62</sup> SO 85/55 HCA No. 38/5 Estate of Murugappa Chettiar, *deceased*. Di antara ceti yang meninggalkan harta yang banyak ialah K. R. R. M. M. R. Murugappa. Murugappa mati pada 18 Mei 1935 di India dengan meninggalkan harta persendirian di Parit Buntar, Perak, Kuala Lumpur, Kedah dan Pulau Pinang yang dinilai oleh Pejabat Stamp berjumlah \$243,323.71. Lihat juga SO 40/54 HCA No. 11/54 Estate of A. R. P. L. S. P. Muthuya Chetty, *deceased*. Muthuya mati pada 14 Mac 1935 dengan meninggalkan harta pesaka seperti tanah bendang, kampung dan getah di negeri Kedah, kadar bunga wang yang belum dibayar dan rumah sewa yang semuanya dinilai oleh Pejabat Stamp berjumlah \$119,144.63.

untuk membeli tanah, alat-alat pertanian, menguruskan hal seperti kematian, perkahwinan anak, dan membeli barang keperluan harian. Biasanya tanah dijadikan cagaran dan peminjam boleh memilih untuk membayar sekaligus dalam tempoh yang ditetapkan atau membayar secara ansuran setiap bulan. Apabila hutang tidak dapat dibayar dalam tempoh yang dipersetujui, ceti akan membuat aduan kepada kerajaan dan memohon untuk membawa kes itu ke mahkamah. Di sinilah bermulanya proses yang panjang turun naik mahkamah dan aduan demi aduan kepada Majlis Mesyuarat Negeri selaku badan yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk meluluskan atau menolak kes hutang (dan sebagainya) di bawa ke mahkamah. Pendekata, Majlis Mesyuarat Negeri selain sibuk mengatur dan mempermudah perjalanan pentadbiran terpaksa juga berdepan dengan pelbagai kerentenan golongan peminjam wang dan rakyat berhubung masalah hutang. Beberapa kes yang diperturunkan di bawah ini menunjukkan ciri-ciri yang biasa ditemui berhubung soal hutang dan bagaimana tanah wanita Melayu berpindah tangan kepada golongan pemutang.

#### Wanita Didakwa Di Mahkamah dan Tanah Dilelong

Dalam satu kes seorang wanita yang bernama Habshah telah menggadaikan tanahnya seluas 14 jemba 60 kaki yang dinilai \$250.00 mengikut harga pasaran untuk hutang berjumlah \$497.25 kepada ceti Muthu Karuppen. Tanah itu telah dilelong atas arahan mahkamah pada 12 Mac 1934 setelah Habshah gagal membayar hutangnya kepada Muthu Karuppen. Oleh kerana tiada sesiapa yang sanggup membeli tanah itu, Muthu Karuppen akhirnya membeli tanah tersebut dengan harga \$572.86.<sup>63</sup> Dalam

---

<sup>63</sup> SUK Kedah 2198/1351 Civil Case No. 556-1350, Lower Court, Alor Setar.  
Himself (Muthu Karuppen) - Plaintiff  
vs  
Habshah bt. Haji Mohamed Khir - Defendant

satu kes yang lain Muthu Karuppen juga telah membuat permohonan mahkamah untuk melelong tanah kampung seluas dua relong 291 jemba (termasuk sebuah rumah) milik Teh bt. Long Mat yang terletak di Mukim Tajar, daerah Kota Setar yang digadaikan kepada beliau bagi menyelesaikan hutang. Proses bagaimana lelongan dibuat termasuk percubaan melelong tanah-tanah dalam Kawasan Tanah Simpanan Melayu dapat dikesan dalam surat Ketua Majistret Mahkamah Rendah kepada Majlis Mesyuarat Negeri yang bertarikh 19 Ogos 1933:

Ahwal adalah menurot hukuman State Council No. 8/3013/51 itu pada 22/4/52 [14 Ogos 1933] mahkamah ini telah menjalankan lelong tanah yang tersebut di atas itu Surat Putus 53731 banyak tanahnya 2.291.00 relong yang Muthu Karuppen Ceti pegang gadaian dimulai dengan harga 268.14 rial sebanyak menyelesaikan dikri. Tiada siapa-siapa mari melawan tangkap lelong. Tuntutan pintak mahkamah pukul lelong kepadanya pakai selesaikan dikri itu tanah ini termasuk ke dalam simpanan bagi orang-orang Melayu. Dengan kerana itu saya pintak kebenaran kerajaan pukul lelong tanah itu kepada Muthu Karuppen Ceti tuntutan supaya selesai perkara ini. Maka perkara semacam ini dikehendaki dengan kebenaran kerajaan mengikot perkara 12 Undang-Undang No. 34/51 jika kerajaan telah benar pukul lelong saya harap pintak diberi ketahui kepada Office Tanah.<sup>64</sup>

Dalam pada itu, Halus bt. Hadi, seorang petani dari Mukim Tajar, Kota Setar juga terpaksa berdepan dengan masalah kehilangan tanah akibat berhutang kepada ceti yang sama. Halus pernah memohon kepada Majlis Mesyuarat Negeri menangguhkan permohonan Muthu Karuppen untuk menyita tanah bendangnya seluas 13 relong 150 jemba dan dua kaki yang telah digadaikan kepada ceti itu. Halus meminta tempoh enam bulan kerana menurut jangkaannya hutang-hutang itu dapat dibayar selepas musim

---

*Applies for permission to effect auction sale of land belonging to the defendant.*

<sup>64</sup> SUK Kedah 3013/1351 Civil Case No. 186-1350, Lower Court, Alor Setar.

A. R., P. L. S. P. L. Muthu Karuppen Chetty - Plaintiff

vs

Teh bt. Long - Defendant

*Permission to effect auction sale of kampung land, together with a house thereon, comprised under Surat Putus No. 3187 in Mukim Tajar, Kota Setar, belonging to the Defendant.*

menuai tahun 1931. Pada masa itu Halus sedang mengerjakan bendang seluas 10 relong dan sekiranya padinya tidak rosak beliau akan mendapat  $1\frac{1}{2}$  kunca untuk setiap serelong. Halus mengaku tidak mampu membayar bunga hutang tertangguh dan belanja perbicaraan yang diarah bayar oleh mahkamah kerana kemiskinan dan juga kerana dia masih berhutang dengan seorang kedai Cina sebanyak \$40.00. Keseluruhan hutang Halus kepada Muthu Karuppen berjumlah \$280.75.<sup>65</sup>

Apabila hutang-hutang tersebut masih gagal diselesaikan oleh Halus, mahkamah meluluskan permohonan Muthu Karuppen untuk melelong tanah yang digadaikan kepada ceti itu. Dalam surat kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 22 Jun 1934 Muthu Karuppen mengadu tidak ada orang Melayu yang tampil membeli tanah tersebut sewaktu lelongan dijalankan oleh Mahkamah Rendah pada 27 Mei 1934. Justeru itu Muthu Karuppen memohon kerajaan membenarkan lelongan itu dibuka kepada semua bangsa. Majlis Mesyuarat Negeri dalam surat jawapan balas kepada Muthu Karuppen bertarikh 15 Julai 1934 meluluskan permohonan itu mengikut syarat perkara No. 12 Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu 34/1351. Tidak lama kemudian Mahkamah memaklumkan lelongan telah dijalankan dan tanah itu akhirnya dibeli oleh Muthu Karuppen.

Satu lagi kes yang menunjukkan tanah orang Melayu terdedah kepada risiko dijual kepada orang bukan Melayu ialah kes hutang Sidah bt. Dahaman kepada ceti S.

---

<sup>65</sup> SUK Kedah 3016/1351 Civil Case No. 178-1350, Lower Court, Alor Setar.

A.R. P.L. S. P. L. Muthu Karuppen Chetty – plaintiff

vs

Halus bt. Hadi – Defendant

Permission to effect auction sale of bendang and kampung land comprised under Surat Putus No. 778 in Mukim Tajar, Kota Setar, belonging to the Defendant. Ibu hutang berjumlah \$200.00. Kadar bunga yang tertangguh selama 17 bulan iaitu \$4 sebulan menjadi \$68.00 dan belanja perbicaraan \$12.75.

K. R. Karpen. Sidah berhutang \$800.00 (ibu hutang) dan \$304.00 (bunga) kepada Karpen dan mahkamah telahpun menjatuhkan hukuman agar dilelong dua bidang tanah milik wanita berkenaan untuk membayar hutang dan bunga (sebanyak 8% setahun). Tanah-tanah itu bernilai \$280.00 dan \$360.00 mengikut harga semasa. Memandangkan tanah tersebut tidak termasuk di dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu, kerajaan dalam minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri 20 Februari 1933 membenarkan tanah itu dilelong untuk semua bangsa.<sup>66</sup>

Kerajaan sebenarnya sangat tegas dalam menangani percubaan orang bukan Melayu melelong tanah-tanah milik orang Melayu. Banyak permohonan sedemikian ditolak demi mengelakkan orang Melayu kehilangan tanah. Dalam satu kes, permohonan Hooi Hong Mun kepada Majlis Mesyuarat Negeri dalam suratnya bertarikh 18 Ogos 1933 untuk melelong tanah milik Haji Kassim dan isterinya, Sofiah seluas 12 relong di daerah Yan bagi menyelesaikan hutang berjumlah \$396.00 (ibu hutang, bunga 8% dan belanja lelong) kepada semua bangsa telah ditolak kerajaan negeri. Menurut Hooi, walaupun lelongan telah dijalankan di kalangan orang Melayu namun tiada seorangpun daripada bangsa tersebut yang sanggup membeli tanah itu. Lagipun menurut beliau, tanah itu telah digadaikan kepadanya sebelum ia termasuk ke dalam Tanah Simpanan Melayu.<sup>67</sup> Mengenai tanah-tanah yang digadaikan sebelum

---

<sup>66</sup>SUK Kedah 3115/1351 Civil Case No. 31-1351, Director of Lands' Office, Alor Setar.

S. K. R. Karpen Chettiar - Plaintiff

vs

Sidah bt. Dahaman - Defendant

Permission to effect auction sale of rubber land comprised under Surat Putus Nos. 19063 and 19064 in Mukim Lunas, Kulim, belonging to the Defendant.

<sup>67</sup> SUK Kedah 665/1352 Civil Case No. 62-1350, Second Division, High Court, Alor Setar.

Hooi Hong Mun – Plaintiff

vs

1. Haji Kassim bin Haji Musa}

2. Sofiah bt. Mohamed Taib} Defendants

dimasukkan ke dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu, kerajaan telah membuat peraturan terbaru berhubung lelongan ke atas tanah-tanah sedemikian. Peraturan bertarikh 17 Mei 1933 ini antara lain menetapkan tanah-tanah tersebut dilelong terlebih dahulu menurut syarat Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu No. 6/49 dengan diletakkan harga sebanyak mana hutang tersebut. Jika tiada pembeli, mahkamah harus membuat laporan dan lelongan harus ditangguhkan. Selepas itu kerajaan akan mempertimbangkan samada tanah itu patut dikeluarkan daripada Tanah Simpanan Melayu agar lelongan boleh dibuka kepada semua bangsa.<sup>68</sup> Peraturan ini dibuat untuk mengelakkan tanah orang Melayu berpindah ke tangan bangsa lain yang semakin meningkat kesnya berdasarkan kes-kes sedemikian yang muncul dalam fail-fail kerajaan.

#### Wanita Memohon Menukar Nama Tanah untuk Selesaikan Hutang

Tindakan memindahkan nama tanah kepada ceti merupakan satu lagi cara wanita Melayu menyelesaikan masalah hutang. Cara ini bukan sahaja dapat mengelakkan mereka daripada diheret ke mahkamah malah juga mengurangkan kos urusan mahkamah sekiranya kes dibicarakan. Biasanya keputusan sebegini diambil setelah wujud persetujuan antara kedua-dua pihak untuk memudahkan proses

---

*Permission to effect auction sale of bendang and rubber land comprised under Surat Putus No. 37842 in Mukim Dulang, Yan belonging to the Defendants.*

<sup>68</sup> SUK Kedah 164/1352. *Auction Sale of land in the Malay Reservation mortgaged to the Chetties.* Lihat, Apendiks A Peraturan Lelongan Tanah Kebun Kecil No. 25/49 Syarat Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu No. 6/49. Perkara ini telah menjadi perbincangan Majlis Mesyuarat Negeri dan wakil British dalam kerajaan. Penasihat Undang-Undang, misalnya, berpendapat tanah-tanah itu seeloknya dijual kepada bangsa-bangsa asing tanpa perlu dikeluarkan (dibatalkan) daripada Tanah Simpanan Melayu mengikut No. 12 Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu 1351 kerana jika dibuat demikian tanah-tanah itu tetap tinggal dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu untuk selama-lamanya. Jika orang Melayu membeli semula tanah itu maka ia akan mengikut syarat Tanah Simpanan Melayu semula. Tetapi jika tanah itu dikeluarkan daripada rizab Tanah Simpanan Melayu, ia tetap akan terkeluar dari kawasan tersebut buat selama-lamanya. Satu lagi masalah yang dibangkitkan oleh Penasihat Undang-Undang ialah jika tanah-tanah itu dikeluarkan daripada Tanah Simpanan Melayu akan wujud kecelaruan dalam pengendalian surat-surat keterangan tanah kelak.

menyelesaikan hutang sebagaimana yang ditunjukkan dalam kes Tijah bt. Ahmad dari Pengkalan Kundor, daerah Kota Setar. Tijah dalam surat aduannya kepada kerajaan negeri pada 19 Julai 1933 menyatakan ketidakupayaan beliau membayar hutang berjumlah \$116.50 kepada ceti L. P. L. Latchamanan dari Pekan Cina kerana kemiskinan hidup. Untuk menyelesaikan masalah ini Tijah telah “berkira dengan Latchamanan ceti hendak tolak habuan patik yang tergadai kepadanya.” Memandangkan tanah itu termasuk dalam Tanah Simpanan Melayu, Tijah memohon kebenaran kerajaan untuk menyerahkan tanah tersebut kepada Latchamanan untuk membayar hutangnya.<sup>69</sup>

Dua lagi kes yang serupa ialah permohonan daripada Sa’arah bt. Mohamed Amin, mukim Serdang, di daerah Bandar Baharu pada 10 Jun 1933 dan Munah bt. Khamis, Sidam Kanan di daerah Kulim pada 22 Julai 1933. Kedua-dua wanita ini telah membuat permohonan kepada kerajaan untuk menukar nama tanah masing-masing kepada nama orang yang meminjamkan wang kepada mereka. Sa’arah telah berhutang \$100.00 kepada seorang lelaki Cina untuk membayar cengkeram harga tanah yang ingin dibelinya. Malangnya Sa’arah tidak mampu membayar hutang tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Justeru itu beliau memohon kerajaan menuarkan nama tanahnya kepada nama lelaki Cina tersebut untuk menyelesaikan hutang dan bunga hutang sebanyak \$200.00. Munah dari daerah Baling pula berhutang (ibu dan bunga) sebanyak \$180.00 kepada ceti Muthiah. Dalam suratnya kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 22 Julai 1933, Munah memohon menukar nama tanahnya kepada Muthiah bagi mengelakkan ceti itu membuat aduan di mahkamah. Kerajaan,

---

<sup>69</sup> SUK Kedah 1202/1352 Asks to transfer her land under Surat Putus No. 9823 in the Malay Reservation, Mukim Pengkalan Kundor, Kota Setar, to L. P. L. Latchamanan Chetty, in settlement of her debt.

walau bagaimanapun, menolak kedua-dua permohonan tersebut dan memaklumkan pertimbangan hanya boleh dibuat setelah tanah-tanah itu dilelong terlebih dahulu kepada orang Melayu menurut syarat-syarat Tanah Simpanan Melayu. Setelah benar-benar yakin tidak ada orang Melayu yang sanggup membeli tanah itu barulah kerajaan boleh mempertimbangkan lelongan dibuka kepada semua bangsa sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan pada masa itu.<sup>70</sup>

#### Wanita Memohon Pinjaman daripada Kerajaan untuk Membayar Hutang

Berhubung masalah hutang, kerajaan negeri juga didatangi permohonan daripada rakyat untuk membuat pinjaman bagi membayar hutang mereka. Permohonan sedemikian bukan sahaja datang daripada kaum lelaki malah juga daripada kaum wanita. Pada 4 Januari 1932, misalnya, kerajaan menerima surat petisyen daripada Leha bt. Sheikh Salleh dari Sungai Petani memohon pinjaman wang untuk membayar hutangnya yang berjumlah \$2,512.35 kepada ceti Muthu Karpen.<sup>71</sup> Permintaan ini, walau bagaimanapun, tidak dipertimbangkan oleh kerajaan kerana bukanlah menjadi dasar kerajaan negeri memperuntukkan wang untuk menyelesaikan hutang rakyat.

Di pihak pemutang pula, selain mengheret orang yang berhutang ke mahkamah dan mendesak pertukaran nama tanah, cara lain seperti tuntutan pengagihan harta pesaka turut digunakan. Apabila orang yang berhutang meninggal dunia, ceti-ceti akan mengemukakan permohonan mengagihkan harta pesaka si mati di Pejabat Tanah

<sup>70</sup> Lihat, SUK Kedah 713/1352 Asks to transfer her land comprised under Surat Putus No. 48785 in the Malay Reservation, Mukim Serdang, Bandar Baharu, to Chong Tet Min, in settlement of her debt; SUK Kedah 1225/1352 Aks to transfer her bendang land comprised under grants nos. 34264 and 36554 in the Malay Reservation Mukim Tawar, Baling, to N. M. M. Muthiah Chettiar, in settlement of her debt.

<sup>71</sup> SUK Kedah 2683/1350 Applies for loan to settle her debt to S. M. M. Muthu Karpen Chetty. Satu lagi kes permohonan serupa yang turut ditolak oleh kerajaan dapat dilihat dalam SUK Kedah 3031/1351 Asks for grant of \$286.47 to settle his [Mat Deris bin Puteh] debt.

dengan alasan orang-orang ini semasa masih hidup telah berhutang dengan mereka.<sup>72</sup>

Pada Mei 1934 diwartakan permohonan ceti S. Kaderesan dari Parit Buntar untuk mengagihkan harta pesaka Rasimah bt. Mat Ariff, dari Bandar Bahru yang telah berhutang \$963.00 (\$600.00 ibu hutang dan selebihnya bunga) daripadanya.<sup>73</sup> Ceti Ranganathan dari Pekan Cina, Alor Setar pula mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah Kota Setar untuk mengagihkan harta pesaka Wan Nai bt. Wan Hanapi yang telah berhutang kepadanya sebanyak \$314.00.<sup>74</sup>

Dalam kes hutang yang melibatkan kaum wanita Melayu, dapat dikesan usaha bersungguh-sungguh golongan tersebut untuk mempertahankan hak mereka. Petisyen demi petisyen dihantar kepada Majlis Mesyuarat Negeri bagi menangguhkan lelongan dengan harapan mereka diberi sedikit masa untuk berikhtiar membayar hutang-hutang tersebut. Percubaan daripada Udoh bt. Ishak membayangkan kesungguhan untuk menyelamatkan tanah daripada jatuh ke tangan pihak lain. Tanah tersebut merupakan harta pesaka peninggalan suaminya yang juga merupakan harta syarikat mereka suami isteri. Udoh telah berhutang kepada Ooi Oo sebanyak \$391.00 dan apabila dicampurkan jumlah belanja perbicaraan menjadikan \$424.28 yang perlu dibayar. Oleh kerana Udoh tidak mampu membayar hutang tersebut, Ooi telah mendapat dikri daripada mahkamah Yan pada 18 Jun 1932 ke atas dua bidang tanah bendang milik

<sup>72</sup> Menurut Enakmen Tanah No. 56/1353 permohonan untuk mengagihkan harta pesaka kecil yakni yang merujuk kepada harta pesaka tanpa wasiat yang mengandungi keseluruhan harta kekal atau sebahagiannya harta tidak boleh pindah yang bernilai tidak lebih \$3,000.00 pada tarikh permohonan dibuat tanpa menolak hutang si mati boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja yang merasakan mereka ada hak ke atas harta tersebut. Ini termasuklah orang yang memberi hutang kepada si mati. Permohonan perlu dikemukakan kepada Pegawai Pejabat Tanah. G. B. Kellagher 1934. *The Laws of the State of Kedah*, 6.

<sup>73</sup> K/SUK 2 *Kedah Government Gazette*, Jil. 11, No. 4, 19 Mei 1934 (No. 192).

<sup>74</sup> Ibid. Vol. 11, No. 9, 30 Jun 1934 (No. 510). Lihat juga, *Kedah Government Gazette*, 16 Mei 1936 (No. 338 dan No. 340), Jil. 13, No. 4, permohonan ceti M. R. M. V. N. Ramasamy daripada Alor Setar ke atas Salamah bt. Ali di Pejabat Tanah Kubang Pasu di atas hutang sebanyak \$129.40; dan permohonan ceti D. T. O. Saminazan dari Alor Setar di Pejabat Tanah Kubang Pasu untuk mengagihkan harta pesaka Nab bt. Haji Mohd Ali di atas hutang berjumlah \$200.00.

Udoh. Tanah seluas 11 relong itu bernilai \$500.00 mengikut harga pasaran sementara tujuh relong lagi bernilai \$200.00.

Pada 18 Oktober 1932 Udoh telah menulis surat kepada kerajaan memohon lelongan ditangguhkan sehingga selepas musim menuai pada tahun 1932 kerana tanahnya itu dipajak kepada Abdullah bt. Musa. Tempoh pajakan ialah selama enam tahun. Udoh akan menghadapi kesusahan sekiranya kerajaan meluluskan permohonan Ooi untuk melelongkan tanah tersebut kerana beliau telahpun berjanji untuk menjualkan tanah itu kepada Abdullah. Kes ini selesai apabila Udoh membuat permohonan untuk menjual sendiri tanahnya di Mahkamah Yan. Mahkamah meluluskan permohonan Udoh dan tanah itu akhirnya dijual kepada Abdullah dengan harga sebanyak hutangnya kepada lelaki Cina berkenaan.<sup>75</sup> Usaha Udoh sekurang-kurang menyelamatkan tanah milik beliau daripada jatuh ke tangan bangsa lain.

Satu kes yang agak menarik ialah percubaan seorang wanita yang bernama Che Om daripada Alor Setar untuk menyelamatkan tanahnya daripada jatuh ke tangan ceti Payeran. Che Om semasa hayatnya telah berulangkali dan dengan panjang lebar mengadukan masalahnya kepada kerajaan. Beliau telah menghantar tiga pucuk surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri berhubung isu lelongan tanah beliau iaitu pada 19 dan 23 Mac 1933 dan 8 April 1933. Dalam petisyen bertarikh 19 Mac 1933, Che Om mengadu beliau berhutang sebanyak \$720.00 (ibu hutang \$500.00 dan bunga

---

<sup>75</sup> SUK Kedah 1816/1351 Civil Case No. 55-1350, District Court, Yan.

Ooi Oo - Plaintiff

vs

Udoh bt. Ishak, administrator of the estate of Ali bin Mat Isa (deceased) and Mahamud bin Ali – Defendants  
Permission to effect auction sale of bendang land comprised under Surat Kechik No. 819 and Banchi Sewa No. 168 in Mukim Sungai Daun, Yan, belonging to the Defendants.

1220.00) dengan menggadaikan sekeping tanah seluas 13 relong di Anak Bukit kepada eti Payeran dari Pekan Cina. Apabila beliau gagal membayar hutang tersebut, Payeran membuat aduan di mahkamah dan kesnya telah dibicarakan pada 11 Mac 1933. Hakim Syed Mohamed Aidid telah menjatuhkan hukuman tanahnya dilelong untuk membayar hutang tersebut meskipun Che Om menegaskan beliau mampu membayar belanja perbicaraan dan kadar bunga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Che Om ialah tentang kedudukan taraf anahnya. Beliau yakin tanahnya termasuk dalam Tanah Simpanan Melayu dan ergolong dalam tanah kebun (pegangan) kecil (*small holding*) dan bukannya tanah pegangan besar (*big holding*) sebagaimana yang didakwa oleh kerajaan kerana keluasan anahnya hanyalah 13 relong.<sup>76</sup> Tanah itu telahpun disukat cuma masih belum diberi geran walaupun beliau telah berulangkali menulis surat kepada Pejabat Tanah Kota Setar berhubung soal tersebut. Dalam surat-suratnya yang lain, Che Om terus nengulangi rasa tidak puashati beliau terhadap keputusan mahkamah dan memberi alasan mengapa kerajaan tidak boleh melelong tanahnya. Dalam surat bertarikh 8 April 1933, beliau sekali lagi menegaskan tanahnya itu adalah tanah kebun kecil dengan alasan:

1. bahagiannya (hak) ke atas tanah itu hanyalah 13 relong meskipun tanah yang digadai itu berjumlah 52 relong. Dan beliau telahpun memohon dibuat pecahan tanah (no. resit dan no. fail Pejabat Tanah Kota Setar disebut). Setiap pemegang tanah akan mendapat bahagian masing-masing (milik berasingan) apabila geran diterima nanti.
2. Kedudukan tanah sebagai tanah kebun kecil ini disahkan sendiri oleh *Superintendent of Surveys*

---

<sup>76</sup> Tanah kurang daripada 35 relong disebut sebagai tanah pegangan kecil menurut Undang-Undang Tanah No. 25/49 para (11).

3. Ada kes lain yang serupa tetapi kerajaan tidak benarkan tanah itu dilelong kerana pemohon mampu membayar kadar bunga (no. fail disebut).

Che Om juga berpendapat tindakan mahkamah menolak rayuannya untuk ulang bicara kesnya itu sebagai tidak selari dengan perjalanan undang-undang. Misalnya, kes permohonannya itu dibicarakan di hadapan Syed Mohamed Idid di dalam *chamber* dan sukannya oleh Ketua Hakim Eropah atau Ketua Hakim Melayu. Che Om mengingatkan kerajaan bahawa tujuan kerajaan memperkenalkan Enakmen No. 25/49 pada masa Zaman Kemelesetan ialah untuk mengelakkan tanah-tanah kebun kecil orang Melayu jatuh ke tangan orang bukan Melayu. Sementara itu polisi kerajaan British yang mahu menggalakkan orang Melayu memperbaiki kedudukan ekonomi dan mahukan tanah-tanah kekal dalam tangan orang Melayu selagi mereka mampu membayar kadar bunga yang ditetapkan oleh undang-undang menyebabkan kerajaan menjadikan sebahagian besar tanah yang terdapat di negeri ini sebagai Tanah Simpanan Melayu. Usaha wanita yang menganggap nasibnya begitu malang kerana gagal mempertahankan haknya ke atas tanah itu masih diteruskan oleh suaminya, Mohamed Hassan selepas beliau meninggal dunia pada 2 Ogos 1933.<sup>77</sup>

Setelah hampir dua tahun menunggu jawapan daripada kerajaan, pada bulan Disember 1933 kerajaan telah memaklumkan kepada Mohamed Hassan bahawa Enakmen 25/49 telah dimansuhkan. Pada 28 Januari 1934 tanah Che Om dilelong kepada bangsa Melayu. Pada 28 September 1934, Payeran telah memohon kepada

---

<sup>77</sup> Mohamed Hassan telah menghantar tiga surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri berhubung kes lelongan tanah isterinya. Dalam surat pertama, Mohamed Hassan menyatakan kesanggupan untuk membayar bunga mengikut Enakmen 25/49. Dalam surat kedua, beliau memaklumkan tanah isterinya itu sudah mendapat geran dan termasuk di dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu. Dalam surat terakhir, Mohamed Hassan menuntut kerajaan memberi pertimbangan yang serupa sebagaimana kes tanah seorang adik beradik isterinya yang tidak dilelong kerana membayar kadar bunga.

Majlis Mesyuarat Negeri untuk melelong tanah Che Om kepada semua bangsa memandangkan tiada orang Melayu yang sanggup membeli tanah itu dan beliau sendiri memohon untuk membeli tanah tersebut. Permohonan ini diluluskan oleh kerajaan mengikut No. 12 Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu 34/1351.<sup>78</sup> Akhirnya tanah tersebut berpindah tangan kepada orang bukan Melayu.

### **Ceti dan Pemutang dalam Kehidupan Wanita Kerabat Diraja**

Meskipun muncul kumpulan lain yang turut menjalankan kegiatan peminjaman wang seperti tauke Cina, peniaga Arab dan India-Muslim namun ia tidak dapat menyaingi pengaruh ceti India di sekitar bandar Alor Setar. Pekan Cina amat sinonim dengan kegiatan ceti kerana boleh dikatakan majoriti masyarakat ceti mendiami kawasan tersebut. Bukan sahaja menjadi tumpuan rakyat biasa malah di kalangan kaum kerabat diraja, ceti menjadi saluran penting untuk menyempurnakan kehidupan mewah mereka. Kajian hutang wanita kerabat kepada ceti dan pemutang lain di negeri Kedah amat menarik kerana ia seringkali dipenuhi dengan tipu helah, berbalas-balas surat petisyen antara kedua-dua pihak dan rayuan di luar peraturan kepada kerajaan untuk menyelesaikan masalah hutang.

Tinjauan ke atas dokumen berhubung gejala berhutang di kalangan wanita kerabat secara tidak langsung mendedahkan tujuan golongan ini berhutang termasuk untuk menampung kehidupan mewah seperti membeli barang-barang kemas, kain baju sutera, dan membayai kos perkahwinan anak secara besar-besaran sesuai dengan status

<sup>78</sup> SUK Kedah 3748/1351 Civil Application No. 55-1351, Second Division, High Court, Alor Setar.

P. R. S. M. Payeran Chetty – Plaintiff

vs

Herself - Defendant

Asks for postponement of auction sale of her bendang land comprised under Surat Putus No. 7430 in Mukim Anak Bukit, Kota Setar.

mereka. Ada juga yang berhutang untuk membeli harta seperti tanah, membuat rumah dan tidak kurang pula yang berhutang bagi menampung kehidupan sehari-hari seperti membeli keperluan rumahtangga dan makanan. Hutang-hutang ini adalah dalam bentuk wang tunai, hutang barang-barang di kedai seperti kain baju, rempah ratus, hutang membeli atap, papan dan minyak motokar. Penjamin-penjamin hutang biasanya terdiri daripada kalangan kaum kerabat sendiri. Selain daripada menggadaikan tanah dan barang kemas sebagai sandaran hutang, adakalanya hutang diberikan oleh pembiutang tanpa apa-apa sandaran. Ia lebih berteraskan sikap saling percaya mempercayai di antara kedua-dua pihak.

Di pihak pembiutang sendiri, sekurang-kurangnya dapat dikesan tiga sebab penting mengapa mereka tidak keberatan memberi pinjaman kepada golongan kerabat. Pertama, mereka begitu yakin golongan kerabat sebagai golongan terhormat tidak akan menipu berhubung pembayaran balik pinjaman yang telah dibuat. Kedua, pembiutang beranggapan tidak akan timbul masalah untuk mendapatkan semula wang yang dipinjamkan kerana kerabat diraja mempunyai pendapatan tetap daripada elaun kerabat. Sekiranya hutang tidak dibayar apa yang perlu ceti lakukan ialah mengemukakan rayuan kepada Majlis Mesyuarat Negeri untuk memotong elaun tersebut pada setiap bulan. Golongan ceti begitu yakin permohonan memotong elaun kerabat untuk membayar hutang akan diluluskan oleh kerajaan demi menjaga nama baik keluarga diraja. Ketiga, sandaran hutang yang adakalanya berupa tanah yang tinggi nilai harganya di pasaran merupakan tarikan utama kepada golongan pembiutang untuk memberi pinjaman kepada wanita kerabat sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab terdahulu dalam kes hutang Cik Manjalara kepada ceti Mutukarpent yang mana tanah yang tinggi nilai harganya di pasaran dijadikan sandaran. Walau bagaimanapun, tidak semua jangkaan

ini tepat malah kerapkali pula pemutang terpaksa berhempas pulas untuk mendapatkan semula wang yang mereka pinjamkan. Antara masalah yang kerap dihadapi oleh pemutang ialah wanita kerabat enggan membayar hutang walaupun berulangkali diminta, wanita kerabat menafikan mereka berhutang dengan ceti atau pemutang dan perselisihan faham berhubung akaun kira-kira yang dipegang atau diingat oleh kerabat wanita dengan apa yang dicatat oleh pemutang. Masalah seperti ini menyebabkan proses mendapatkan semula wang yang dipinjamkan kepada wanita kerabat mengambil masa yang lama dan tidaklah semudah yang digambarkan dalam fikiran pemutang.

Di pihak kerajaan, hutang wanita kerabat telah menyebabkan kerajaan dihujani surat petisyen daripada golongan pemutang. Selain daripada memohon kebenaran mendakwa kaum kerabat di mahkamah, ada juga petisyen yang memohon kerajaan memotong elaun kerabat wanita berkenaan. Cara ini sangat digemari oleh pemutang kerana mereka tidak perlu turun naik ke mahkamah dan lebih terjamin kerana potongan dibuat setiap bulan oleh pihak perbadaharaan. Dakwaan di mahkamah pula dibuat sebagai satu cara untuk mendapatkan hutang serta gadaian yang biasanya dalam bentuk harta seperti tanah. Penelitian ke atas dokumen-dokumen berhubung soal ini mendedahkan beberapa ciri yang kerap kelihatan dalam kes hutang yang melibatkan isteri, puteri sultan dan wanita kerabat yang lain.

#### Aduan Mahkamah dan Lelongan Harta

Surat petisyen yang kerap diterima oleh kerajaan ialah permohonan pemutang untuk mendakwa wanita kerabat di mahkamah bagi menuntut balik wang yang dipinjam. Surat petisyen dihantar berulangkali apabila tidak mendapat jawapan daripada pihak kerajaan. Tuntutan biasanya dibuat ke atas hutang-hutang tertunggak antara satu hingga

empat tahun atau lebih. Hasrat Nachiappa untuk mendakwa Tunku Sepiah, puteri Sultan Abdul Hamid di mahkamah kerana hutang akhirnya berhasil setelah surat petisyen dihantar beberapa kali ke Majlis Mesyuarat Negeri. Tunku Sepiah telah berhutang wang sebanyak \$3,480.00 (masih ada baki \$1,276.00) dan pinjaman sebanyak \$1600 (kadar bunga \$24.00 sebulan). Pinjaman kedua ini dibuat dengan meletakkan barang-barang kemas sebagai sandaran. Barang-barang kemas ini, walau bagaimanapun telah diambil semula oleh Tunku Sepiah untuk dipakai semasa kenduri dan hari raya.<sup>79</sup> Oleh kerana barang kemas tersebut tidak dipulangkan semula, Nachiappa telah membuat aduan kepada kerajaan melalui tiga pucuk petisyen bertarikh 27 Mei 1925, 3 September 1925 dan 17 Jun 1926.

Dalam surat balas yang awal bertarikh 13 September 1925, Tunku Sepiah mengaku tidak mampu membayar hutang tersebut dan barang-barang kemas pun sudah tiada dalam simpanan beliau.<sup>80</sup> Tunku Sepiah, walau bagaimanapun, bersetuju membayar \$15.00 sebulan sehingga hutang selesai. Pada 3 Ogos 1926, Nachiappa sekali lagi memohon kepada kerajaan untuk mendakwa Tunku Sepiah di mahkamah dengan alasan beliau akan balik ke India dan berharap perkara itu selesai apabila perniagaan itu diambilalih oleh orang yang menggantikan beliau kelak. Kerajaan akhirnya membenarkan Nachiappa berbuat demikian.<sup>81</sup> Namun tidak dapat dipastikan samada Nachiappa benar-benar mengheret wanita kerabat itu ke mahkamah kerana tiada catatan lanjut tentang kes ini dalam fail Pejabat Setiausaha Kerajaan dan fail mahkamah yang seterusnya.

<sup>79</sup> Mengambil semula barang-barang kemas yang telah digadai kepada ceti merupakan perkara biasa di kalangan kerabat wanita. Ceti-ceti juga tidak keberatan menyerahkan barang itu kerana mereka telah biasa berurusan dengan golongan kerabat. Barang-barang kemas ini diserahkan semula apabila selesai digunakan.

<sup>80</sup> Tunku Sepiah tidak menjelaskan dalam surat beliau samada barang kemas itu telah dijual atau hilang.

<sup>81</sup> SUK Kedah 436/1344 *Debt of Tunku Sepiah bt. Sultan Abdul Hamid*.

Namun tidak dapat dinafikan melalui tindakan mahkamah, banyak harta benda wanita kerabat jatuh ke tangan ceti. Pada 4 Jun 1933, misalnya, kerajaan membenarkan mahkamah melelong tanah Tunku Kalsom yang terletak dalam daerah Kota Setar untuk menyelesaikan hutangnya kepada ceti Kailasam. Tanah-tanah itu seluas lima relong 381 jemba 40 kaki di Mukim Alor Malai, dan satu lagi tanah serelong 249 jemba 60 kaki dalam Mukim Bukit Pinang. Pendaftar mahkamah memaklumkan tanah itu sebenarnya telah dilelong dengan harga sebanyak hutang Tunku Kalsom iaitu \$864.59 (hutang pokok, kadar bunga dan belanja perbicaraan) tetapi tidak ada orang Melayu yang sanggup membeli tanah tersebut. Oleh kerana tanah itu telah digadaikan kepada Kailasam sebelum ia dijadikan Tanah Simpanan Melayu, Kailasam memohon untuk membeli tanah berkenaan dengan harga \$300.00 sahaja. Permohonan ini, walau bagaimanapun, ditolak oleh kerajaan dan lelongan hanya dibenarkan di kalangan orang Melayu sahaja.<sup>82</sup>

Pada 2 Mei 1933, mahkamah memohon kebenaran kerajaan bagi menjalankan lelongan ke atas tanah Tunku Hajar bt. Tunku Abdul Jalil untuk membayar hutangnya (dan seorang lagi rakannya) kepada ceti Ramasamy. Tanah seluas 12 relong 147 jemba ini sebenarnya tanah harta pesaka Wan Jah, isteri Sultan Ahmad Tajuddin III dan nenda Tunku Hajar. Tunku Hajar akur dengan permintaan mahkamah kerana beliau tidak mampu membayar hutang tersebut. Kerajaan, walau bagaimanapun, menolak permohonan Ramasamy untuk melelong tanah itu kepada orang bukan Melayu

---

<sup>82</sup> SUK Kedah 3386/1351 HCA No. 204-1349, Second Division, High Court, Alor Setar.

S. S. A. V. Kailasam Chetty- Plaintiff

vs

H. H. Tunku Kalsom – Defendant

Permission to effect auction sale of land comprised under Surat Putus Nos. 13960 and 10974 in Mukims of Alor Malai and Bukit Pinang, Kota Setar, belonging to the Defendant.

memandangkan tanah tersebut termasuk di dalam Tanah Simpanan Melayu. Satu lagi sebab mengapa kerajaan menolak permohonan itu ialah kerana tanah tersebut tidak pernah digadaikan kepada Ramasamy semasa perjanjian hutang dibuat.<sup>83</sup>

Satu lagi contoh ceti membuat permohonan untuk melelongkan tanah yang terletak di dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu ialah pendakwaan ceti K. A. L. R. M. Karpen ke atas Tunku Saudah bt. Tunku Abdul Jalil, Tunku Maheran bt. Tunku Abdul Jalil dan seorang lagi wanita Melayu yang bukan daripada kalangan kerabat diraja. Ketiga-tiga wanita ini telah berhutang sebanyak \$7,651.85 yang masih berbaki sebanyak \$7,041.85 kepada ceti Karpen dari Pekan Cina ini. Pada 1 Februari 1933 Karpen telah memohon kerajaan membenarkan tanah ketiga-tiga wanita itu dilelong kepada bangsa lain kerana setelah empat kali lelongan dijalankan di kalangan orang Melayu ia masih belum terjual.<sup>84</sup> Meskipun tidak dapat dikesan kesudahan kes ini namun dijangkakan kerajaan menolak permohonan tersebut kerana sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam kes-kes lain, kerajaan begitu tegas mempertahankan tanah yang termasuk dalam Tanah Simpanan Melayu.

---

<sup>83</sup> SUK Kedah 132/1352 Civil Case No. 747-1346, Lower Court, Alor Setar.

Ramasamy Chetty - Plaintiff

vs

1. Meriam bt Abdullah }  
2. H. H. Tunku Ajar (Hajar)} Defendants.

*Permission to effect auction sale of land comprised under Surat kechik No. 50696 in Mukim Derga, Kota Setar, belonging to the Second Defendant.*

<sup>84</sup> SUK Kedah 3768/1351 *Permission to effect auction sale of land comprised under Surat Putus Nos. 19871, 50691 and 50695 in Kota Setar belonging to the Defendants.* Lain-lain contoh aduan terhadap kerabat wanita daripada peminjam wang ialah SUK Kedah 2180/40 *Debt of Tunku Ismail bin Tunku Zainul-Abidin, Tunku Saadah bt. Tunku Md. Ali and Tunku Noor bt Sultan Abdul Hamid.* Fail ini mengandungi surat petisyen daripada ceti Sockalingam dari Pekan Cina bertarikh 28 Jun 1922. Sockalingam menuntut hutang berjumlah \$9000.00 yang hanya dibayar \$8000.00 sahaja. Jadi dia menuntut baki hutang sebanyak \$1000.00 dengan bunga \$107.00 sebulan selama 19 bulan. Kerajaan akhirnya membenarkan Sockalingam membuat dakwaan di mahkamah.

### Pemotongan Elaun Kerabat Diraja untuk Membayar Hutang

Satu lagi kaedah penyelesaian hutang yang popular di kalangan golongan kerabat diraja ialah melalui pemotongan elaun kerabat. Cara ini dilihat dapat menyelamatkan maruah golongan tersebut daripada diseret ke mahkamah oleh pemutang. Cara ini juga agak mudah kerana pembayaran dibuat melalui perbendaharaan negeri setiap bulan. Namun adakalanya hasrat pemutang dan orang yang berhutang untuk menyelesaikan hutang melalui cara ini juga tidak menjadi kenyataan terutamanya apabila tiada baki yang tinggal di dalam elaun kerabat setelah ditolak perbelanjaan lain. Apabila keadaan ini berlaku, penyelesaian hutang terpaksa dilakukan menerusi tindakan mahkamah.

Antara contoh permohonan mendapatkan kembali wang yang dipinjamkan melalui cara pemotongan elaun kerabat ialah kes hutang Tunku Rakiah, puteri Sultan Abdul Hamid. Ceti S. L. N. Palaniappa dari Pekan Cina yang juga wakil kepada ceti Nachiapa dalam surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 18 Ogos 1924 telah membuat aduan tentang hutang Tunku Rakiah berjumlah \$8,000.00. Hutang ini telah dibuat oleh Tunku Rakiah tiga tahun sebelum itu (28 Jun 1922) dengan berjanji membayar secara ansuran sebanyak \$160.00 sebulan untuk tempoh 50 bulan melalui pemotongan elaun kerabat. Dua pasang gelang, sepasang kerongsang, sepasang subang dan sebentuk cincin telah dijadikan sandaran hutang tersebut. Palaniappa mengadu kepada kerajaan bahawa Bendahari Alor Setar tidak membuat bayaran kepadanya untuk bulan Jun 1924. Masalah menjadi bertambah rumit kerana setahun sebelum itu iaitu pada 26 April 1923, Tunku Rakiah telah meminjam balik kesemua barang kemas yang disandarkan untuk dipakaikan kepada anaknya yang akan berkahwin dan berjanji akan memulangkan semula barang kemas itu dalam tempoh sebulan. Malang sekali setelah dua tahun berlalu, barang kemas itu masih belum dipulangkan.

Palaniappa mempunyai beberapa sebab mengapa beliau tidak keberatan meminjamkan semula barang-barang kemas itu:

sebab sudah biasa tiap-tiap kali anak-anak raja, krabat-krabat atau orang besar-besar di dalam Kedah ini apakala ditaroh barang-barang di tangan orang-orang chetty manakala ia apa handak berguna handak pakai pada hari Raya atau fasal nikah kahwin ada diberi pinjam dan lepas sudah habis hari Raya atau fasal nikah kahawin itu ada dipulang balek kapada orang chetty.<sup>85</sup>

Palianappa juga tidak keberatan memberikan pinjaman kerana mengenangkan hubungan baik beliau dengan golongan kerabat di samping “patek orang-orang Chetty lihat order daripada tuan patek beri di Treasury yang buleh dipotong rial pension krabat-krabat itu bayar kepada patek-patek apa, patek-patek apa pon sangat suka memberi pinjam rial itu.”<sup>86</sup> Tanpa barang kemas tersebut Palaniappa tidak lagi mempunyai apa-apa bukti yang menunjukkan Tunku Rakiah pernah berhutang kepadanya. Bukti yang ada hanyalah arahan bayaran daripada Perbendaharaan namun bayaran itu juga telah diberhentikan.

Selain itu terdapat juga kes hutang yang berjaya diselesaikan melalui perundingan kedua-dua pihak yang terbabit. Kes hutang Tunku Rakiah dan Sheikh Abdullah bin Ahmad dari Pumpong, daerah Kota Setar, misalnya, diselesaikan melalui perundingan meskipun pada awalnya Sheikh Abdullah dibenarkan oleh kerajaan membuat dakwaan di mahkamah. Sheikh Abdullah dalam surat petisyen bertarikh 22 April 1923 menuntut hutang harga kain baju yang dibuat empat tahun sebelum itu (sejak 1919) oleh Tunku Rakiah. Dalam jawapan balas, Tunku Rakiah membantah penyata kira-kira hutang yang dibuat oleh Sheikh Abdullah di samping mengaku tidak

<sup>85</sup> SUK Kedah 238/1343 *Debt of Tunku Rakiah bt. Sultan Abdul Hamid.*

<sup>86</sup> *Ibid.*

mampu membayar hutang yang masih berbaki \$239.28 sen kerana pada masa itu dia terpaksa membayar hutang kepada dua orang ceti lain melalui potongan elaun kerabat. Kerajaan kemudiannya membenarkan Sheikh Abdullah membuat aduan di mahkamah tetapi persetujuan dicapai antara kedua-dua pihak iaitu Sheikh Abdullah akan dibayar \$5.00 sebulan menerusi pemotongan elaun kerabat sehingga selesai hutang tersebut.<sup>87</sup>

Kerajaan adakalanya mengambil sikap berdiam diri dalam menangani isu hutang kerabat diraja. Ceti Palaniapa, misalnya, mendakwa kerajaan tidak memberi sebarang maklum balas terhadap isu hutang empat orang kerabat iaitu Tunku Bahador, Tunku Safora, Tunku Habshah dan Tunku Jiwa kepada beliau. Dalam petisyen yang bertarikh 1 Februari 1922, Palaniappa mengadu telah beberapa kali menghantar surat kepada Majlis Mesyuarat Negeri berhubung hutang berjumlah \$4,312.00 yang dibuat sejak 29 Ogos 1919 namun tidak mendapat jawapan sebarang jawapan. Baki hutang yang masih belum dibayar oleh ketiga-tiga orang kerabat tersebut berjumlah \$2,058.00. Dalam satu surat yang lain, Palaniappa menegaskan hutang tersebut dibuat tanpa sebarang sandaran “hutang ini tiada sandaran apa-apa hanyalah patek perchaya sahaja sebab Tunku-tunku ber-empat itu anak Raja-raja memerintah negri.” Pada 20 September 1922 barulah Tunku Ibrahim, Presiden Majlis Mesyuarat Negeri mengeluarkan arahan agar ditolak \$120.00 sebulan daripada elaun kerabat Tunku Habshah untuk membayar hutang tersebut sementara elaun Tunku Zam-Zam dipotong sebanyak \$40.00 sebulan dan \$20.00 ditolak daripada elaun kerabat Tunku Idris dan Tunku Jiwa pada setiap bulan

---

<sup>87</sup> SUK Kedah 1988/1341 *Debt of Tunku Rakiah bt. Sultan Abdul Hamid*. Sebelum 22 April 1923 Sheikh Abdullah telah dua kali menghantar petisyen tetapi tiada jawapan daripada Majlis Mesyuarat Negeri. Hutang puteri Sultan Abdul Hamid ini berjumlah \$413.55. Oleh kerana hutang ini telah terlalu lama, Sheikh Abdullah memberitahu dia mendapat tekanan daripada tuan punya kedai tempat beliau mengambil kain tersebut.

sehingga hutang selesai dibayar.<sup>88</sup> Dalam pada itu terdapat juga kes wanita kerabat memohon diperkurangkan potongan ke atas elaun kerabat berhubung hutang mereka. Salah satu contoh ialah permohonan daripada Tunku Maheran kepada kerajaan pada 12 Januari 1932 agar pemotongan elaun kerabatnya sebanyak \$15.00 sebulan untuk membayar hutang kepada ceti Muthiah diperkurangkan menjadi \$10.00. Permohonan ini, walau bagaimanapun, tidak diluluskan oleh kerajaan negeri.<sup>89</sup>

#### Permohonan ‘Luar biasa’ untuk Menyelesaikan Hutang

Selain daripada cara membayar hutang yang dianggap lazim di kalangan kerabat diraja seperti memotong elaun kerabat, kerajaan turut menerima permohonan di luar peraturan kerajaan (daripada kerabat wanita) untuk menyelesaikan hutang. Langkah ini diambil setelah tiada lagi cara lain untuk menyelesaikan hutang, misalnya, elaun kerabat tidak berbaki atau tiada tanah lagi untuk diserahkan kepada ceti. Pada 1 November 1930 kerajaan menerima petisyen daripada Tunku Safora bt. Tunku Bahador untuk menukarkan tanah kerajaan yang dia berhak miliki sebagai kerabat diraja dengan wang tunai untuk membolehkan beliau membayar hutang-hutangnya. Permohonan ini telah ditolak oleh kerajaan dengan alasan:

Di dalam undang-undang pasal beri tanah kepada member-member Ruling House itu tiada tersebut apa-apa kata tertanggung di atas kerajaan kena bayarkan mana-mana tanah yang member Ruling House pintak itu. Maka yang State Council telah beri tanah kepada mana-mana member Ruling House itu lepas dihalusi timbang boleh dipugar tanah yang

<sup>88</sup> SUK Kedah 1083/1340 *Debt of Tunku Bahador, Tunku Safora, Tunku Habshah and Tunku Jiwa*. Fail lain yang menunjukkan permohonan daripada ceti agar elaun kerabat dipotong untuk membayar hutang ialah SUK Kedah 2066/1350 *Deduction of the Ruling House Allowance of Tunku Zam-Zam, Tunku Idris and Tunku Jiwa for payment of their debt to K. A. L. R. M Karpen Chettiar*. Ketiga-tiga mereka ini telahpun diarahkan oleh mahkamah agar membayar hutang tersebut pada 28 Januari 1931. Oleh kerana hutang tersebut masih belum dibayar setelah sembilan bulan berlalu, ceti ini memohon kepada mahkamah agar pembayaran dibuat dengan cara memotong elaun kerabat ketiga-tiga individu terbabit.

<sup>89</sup> SUK Kedah 1677/1349 *Deduction of Ruling House Allowance of Tunku Maheran bt. Tunku Abdul Jatil for payment of her debt*.

dipintak itu dan tiada biasa diberi tanah itu kerana hendak dijual perbuat bayar hutang-hutang.<sup>90</sup>

Dalam satu kes lain, Tunku Meriyam bt. Tunku Dia-udin dari Alor Merah, di daerah Kota Setar, telah memohon kepada kerajaan agar elaun kerabatnya diteruskan selepas beliau meninggal dunia kelak bagi membolehkan keluarganya membayar hutang-hutang beliau kepada ceti. Dalam petisyen kepada kerajaan bertarikh 9 Oktober 1925 Tunku Meriyam mengadu sedang sakit dan tiada harapan untuk sembuh serta meminta elaun kerabatnya diteruskan untuk tempoh dua tahun selepas beliau meninggal dunia kelak supaya wang tersebut boleh digunakan oleh keluarganya membayar hutang membuat rumah kepada ceti. Sekiranya permohonan ini tidak diluluskan Tunku Meriyam memohon baki 350 relong tanah yang dia sepatutnya dapat sebagai kerabat diraja.<sup>91</sup> Namun kerajaan menolak permohonan ini. Jawapan daripada Presiden Majlis Mesyuarat Negeri “tiada pernah dibenarkan permohonan seperti ini.”<sup>92</sup>

#### Wanita Kerabat Menafikan Hutang

Hubungan wanita kerabat dengan golongan yang meminjamkan wang adakalanya dipenuhi kontroversi. Beberapa dokumen yang ditemui menunjukkan wanita kerabat berani membala semula surat petisyen yang dihantar oleh pemutang. Apa yang menarik bukan sahaja fakta mengenai hutang itu tetapi juga cara wanita kerabat mengutarakan hujahan mereka. Dalam kes kontroversi hutang Tunku Kalsom kepada ceti Chelliah Pillai, wanita kerabat ini dengan panjang lebar mempertahankan

<sup>90</sup> SUK Kedah 1687/1349 *Aks for money in exchange of the State land to which she is entitled, to enable her to settle her debt.* Tunku Safora telahpun mendapat 100 relong tanah kerajaan di Kubang Pasu. Ini bermakna baki tanah yang dia patut dapat sebagai kerabat diraja ialah 400 relong. Jadi dia memohon kerajaan menggantikan tanah tersebut dengan wang kerana dia hendak gunakan wang tersebut bagi membayar hutang.

<sup>91</sup> Tunku Meriyam telah memiliki 150 relong tanah melalui jalan kerabat diraja.

<sup>92</sup> SUK Kedah 807/1344 *That her pension be continued for a period of two years after her death.*

kedudukan beliau dalam soal tersebut. Chelliah telah menghantar petisyen bertarikh 11 Januari 1926 kepada Majlis Mesyuarat Negeri mengadu hal Tunku Kalsom yang menjadi penjamin hutang Wan Ibrahim bin Wan Mohamed Salleh. Menurut Chelliah, Tunku Kalsom mengaku akan membayar hutang itu sehingga selesai jika Wan Ibrahim tidak membayar hutang tersebut. Tarikh mula hutang ialah 8 September 1924 dengan hutang pokok berjumlah \$190.00.<sup>93</sup> Meskipun pada 6 September 1927 kerajaan membenarkan Chelliah membuat aduan di mahkamah namun Tunku Kalsom tidak menyerah kalah. Beliau sebaliknya turut membuat aduan di mahkamah menuntut gantirugi daripada Chelliah berhubung satu kes perjanjian antara beliau (Tunku Kalsom) dengan seorang yang bernama Ismail yang telah dilantik oleh Tunku Kalsom sebagai orang tengah dalam proses menjualkan lapan pintu rumah kedai milik beliau di Jalan Bahru, Alor Setar.<sup>94</sup> Seorang tauke Cina dari Pulau Pinang telah bersetuju membeli rumah kedai tersebut dengan membayar cengkeram sebanyak \$2,000.00 kepada Ismail.

Menurut syarat perjanjian antara Tunku Kalsom dengan Ismail sekiranya Tunku Kalsom gagal membuat perjualan dalam tempoh yang ditetapkan maka beliau terpaksa membayar gantirugi kepada Ismail dua kali ganda bayaran cengkeram tersebut. Apa yang menjadi masalah ialah rumah-rumah kedai itu telahpun beliau gadaikan kepada Chelliah. Tunku Kalsom mengadu kepada Majlis Mesyuarat Negeri bahawa segala usaha untuk menyelesaikan hutang agar beliau boleh mendapat semula harta-harta tersebut gagal kerana Chelliah enggan menerima bayaran itu. Dengan nada yang marah,

<sup>93</sup> Hanya enam bulan sahaja yang dibayar daripada jumlah 34 bulan bunga yang sepatutnya dibayar. Jumlah yang masih terhutang ialah 28 bulan dengan kadar bunga \$6.00 sebulan. Jadi jumlah keseluruhan hutang dan bunga ialah \$358.00.

<sup>94</sup> Jalan Baharu kini dikenali sebagai Jalan Putera.

Tunku Kalsom meminta kerajaan menyiasat beberapa perkara berhubung hutang tersebut:

Maka saya harap Tuan lihat akan surat Wan Ibrahim kapadanya itu. Adakah di-dalam surat itu kata saya mengaku suroh ia beri kapada Wan Ibrahim berhutang dengan tiada sign saya atau ada surat lainnya saya mengaku di atas hutang itu. Jika handak diikot seperti perkataan Chelliah Pilliah ini dimana2 ada hutang palsu yang ia beri tiada tampak handak dapat balik rial itu. Maka buleh ia tuntot kapada siapa2 ya ia tampak ada rial di-kata dengan perkataan ya ia berhutang kepada sepulan itu kerana ia perchaya kepada Tuan sekiranya jika dengan demikian rupa itu \$50,000/- pada sebulan pon di-siap taroh tiada buleh chukop handak membayarkan segala hutang perkataan palsu itu dan Wan Ibrahim itu bukan orang gaji saya atau saya menerima ia beri tumpang dudok dan saya tiada tahu ia di-mana2 dudok tiada sabab yang saya handak champor di atas perkara hutang piutangnya.<sup>95</sup>

Sehubungan dengan itu Chelliah pernah dipanggil oleh kerajaan untuk mengetahui kedudukan sebenar berhubung isu hutang tersebut dan kerajaan mendapati Tunku Kalsom tidak pernah menandatangani sebarang surat hutang. Perjanjian yang dibuat antara Tunku Kalsom dan Chelliah adalah lebih kepada perjanjian lisan. Tanpa apa-apa perjanjian bertulis kerajaan tidak dapat campur tangan dalam kes seperti ini.<sup>96</sup>

Wanita kerabat juga menghantar surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri menyatakan rasa tidak puashati terhadap penyata kira-kira yang dihantar oleh pembiutang. Dalam kes tuntutan hutang Sheikh Abdullah bin Ahmad ke atas Tunku Rakiah, wanita kerabat ini mengakui hutangnya kepada lelaki berkenaan tetapi menegaskan terdapat banyak kesilapan dalam senarai akaun hutang yang diserahkan oleh Sheikh Abdullah:

<sup>95</sup> SUK Kedah 1765/1341 Debt of Tunku Kalsom bt. H. H. Sultan Abdul Hamid.

<sup>96</sup> Ibid.

Ada juga tersebut benda-benda yang tiada diambil dan juga di atas bayaran ada biasa saya bayar 15 dan 25 dan yang sepuluh-sepuluh itu banyak kali juga maka di dalam kira-kira Sheikh Abdullah tiada ada tersebut langsung 15 atau 25 itu dan lagi sepetimana ensil dan cangkuk jendela dan paku jendela itu saya beri betul-betul kepadanya 40 rial pinta tolong ia beli tiba-tiba ada di dalam kira-kiranya dikata saya berhutang juga.<sup>97</sup>

Walau bagaimanapun agak ganjil juga kerana Tunku Rakiah berjanji akan menyelesaikan hutang tersebut setelah selesai dibayar hutang-hutangnya kepada ceti Palaniappa dan ceti Chellappa.<sup>98</sup>

Dalam satu kes lain, Che Manjalara pula menafikan sekeras-kerasnya bahawa beliau berhutang kepada seorang lelaki Cina bernama Kua Teng Tong. Dalam surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 11 Ogos 1922 Kua Teng Tong mengadu bahawa Che Manjalara enggan membayar hutang sebanyak \$308.00 harga atap untuk membuat rumah sewanya di Jalan Kereta Api walaupun beberapa kali dituntut. Menurut Kua Teng Tong pembelian dibuat lengkap dengan resit yang ditandatangani dan dicop dengan huruf Siam. Dalam surat balasnya kepada kerajaan bertarikh 10 Oktober 1922 Che Manjalara menghujahkan:

Maka teriak Kua Teng Tong kata saya berhutang kepadanya tiada sebenar. Yang sebenar hutang China Cheng Tong Chui kepala tukang saya yang saya jamin ia ikat rumah Koh Sun Leong Ang Sik di Titi Batu. Cheng Tong Chui ambil genting kepada Kua Teng Tong pakai di rumah Cina kedua itu Hutang ini yang patut Kua Teng Tong mahu tuntot di atas Cheng Tong Chui dalam masa ia dudok jalan perbuat kerja rumah China kedua itu. Jika dituntot pada masa itu tentu jadi selesai dengan kesenangan. Diperbuat alpa buang sampai tiga tahun baru ia mari berteriak hendak tuntot atas saya.<sup>99</sup>

<sup>97</sup> SUK Kedah 1988/1341 *Debt of Tunku Rakiah bt. Sultan Abdul Hamid.*

<sup>98</sup> Persetujuan mulut dicapai antara kedua pihak di mana Tunku Rakiah akan membayar \$5.00 sebulan ditolak daripada elauan kerabat sehingga selesai hutang.

<sup>99</sup> SUK Kedah 2489/40 *Perkara Hutang Che Manjalara.* Lihat juga satu kes lain yang membabitkan wanita kerabat ini dalam SUK Kedah 1983/1340 *Petitions against Che Manjalara.* Che Manjalara menafikan tuduhan seorang wanita bernama Timah bt. Haji Ibrahim dari Kubang Pasu yang mengatakan

Dalam kes ini Tunku Mahmud selaku Presiden majlis Mesyuarat Negeri membenarkan Kua Teng Tong membuat aduan di mahkamah.

### **Reaksi Pemerintah Terhadap Gejala Berhutang Di kalangan Wanita Kerabat**

Gejala berhutang dalam kalangan wanita kerabat meninggalkan kesan kepada banyak pihak. Di kalangan bapa atau suami, adakalanya mereka terpaksa membayar hutang anak perempuan atau isteri masing-masing untuk mengelakkan anak atau isteri mereka didakwa di mahkamah. Selain menyelamatkan maruah keluarga, tindakan ini juga menyelamatkan tanah-tanah yang disandarkan daripada jatuh ke tangan pemutang. Antara kes yang boleh dijadikan contoh ialah tindakan Pemangku Raja, Tunku Ibrahim membayar hutang isterinya, Tunku Aishah yang berkongsi hutang dengan Che Rithuan kerana kedua-duanya tidak mampu membayar hutang keseluruhannya berjumlah \$13,100.00 kepada ceti Karpen. Tunku Aishah dan Che Rithuan mula berhutang pada November 1921. Dalam tempoh lapan bulan jumlah hutang yang tertunggak ialah \$15,196.00. Tunku Ibrahim bersetuju membayar \$400.00 sebulan sehingga selesai hutang. Tindakan Tunku Ibrahim didorong oleh beberapa sebab. Selain daripada menjaga nama baik keluarga, tindakan ini adalah untuk menyelamatkan tanah-tanah yang digadaikan daripada jatuh ke tangan ceti kerana tanah-tanah itu sangat luas dan tinggi harganya di pasaran. Bagi pinjaman berjumlah \$6,000.00, misalnya, Tunku Aishah telah menggadaikan dua bidang tanah iaitu tanah seluas 73 relong di Lubok

---

beliau telah mengambil wang sebanyak \$105.00 daripada wanita tersebut. Wang tersebut diserahkan kepada Che Manjalara yang telah berjanji untuk berunding dengan isteri Tuan Syed Hassan untuk menjamin anak saudara Timah yang ditangkap polis. Timah mendapati duit itu tidak diserahkan kepada isteri Tuan Syed Hassan. Bila dia meminta wang tersebut, Che Manjalara hanya membayar \$45.00 dan bakinya masih ada \$105.00. Timah dalam petisyen bertarikh 3 Jun 1922 mengadu dia telah diugut akan dipukul oleh Che Manjalara sekiranya masih meminta wang tersebut. Che Manjalara dalam jawapan balasnya menafikan mengenali wanita tersebut. Timah akhirnya dibenarkan oleh kerajaan membuat aduan di mahkamah.

Pringgi, dan tanah seluas 78 relong di Alor Malai, di daerah Kota Setar. Untuk hutang berjumlah \$7,000.00 pula digadaikan tanah seluas 54 relong di Kuala Kedah dan 76 relong di Siputeh, di daerah Kubang Pasu.<sup>100</sup>

Di pihak wanita yang terlibat, hutang memberi tekanan kepada kehidupan mereka. Selain didakwa di mahkamah, tanah-tanah mereka turut dilelong dan elaun kerabat menjadi semakin susut setelah ditolak untuk membayar hutang. Adakah kerabat juga ditolak untuk membayar lebih daripada satu hutang. Kerajaan juga terpaksa meminta kerabat menyenaraikan senarai perbelanjaan sebelum membuat keputusan tentang jumlah yang perlu ditolak daripada elaun mereka kerana sesetengahnya tidak mempunyai baki dalam elaun kerabat. Antara mereka yang terlibat dalam kes begini ialah Tunku Zam-Zam, Tunku Rakiah dan Tunku Idris bin Tunku Osman Haji. Ketiga-tiga orang kerabat ini telah berhutang sebanyak \$2,250.00 kepada ceti Karpen iaitu wakil ceti Ramasamy dari Pekan Cina pada 26 Februari 1925. Setelah tiga tahun hutang masih belum dibayar, pada 18 Julai 1928 Karpen telah memohon kebenaran kerajaan untuk membuat aduan di mahkamah. Tunku Idris dalam suratnya kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 10 Ogos 1928 mengaku tidak mampu membayar hutang tersebut kerana pada masa itu beliau masih membayar hutang lain, dan elaun kerabatnya tidak mempunyai baki. Berdasarkan senarai kira-kira hutang dan perbelanjaan yang dihantar, baki pendapatan Tunku Idris dan isterinya, Tunku Zam-Zam hanyalah \$39.00 sementara baki pendapatan Tunku Rakiah ialah \$41.00. Tunku Idris berjanji akan membayar hutang kepada Karpen setelah selesai

---

<sup>100</sup> *SUK Kedah 1022/1340 Debt of Tunku Aishah and Che Rithuan.* Lihat juga, *SUK Kedah 765/1341 Debt of Tunku Net bt Tunku Mahmood.* Penelitian ke atas fail-fail hutang Tunku Net menunjukkan beliau berhutang dalam jumlah yang kecil sahaja seperti berhutang kain dan rempah kepada ceti dan beberapa peniaga Melayu di Alor Setar namun masih gagal membayar hutang-hutang tersebut. Malah sesetengah hutang itu terpaksa dibayar oleh bapanya, Tunku Mahmood.

hutang yang lain. Dalam senarai perbelanjaan dan hutang kerabat-kerabat ini sangat jelas perbelanjaan pada setiap bulan (termasuk membayar hutang) adalah melebihi pendapatan bulanan masing-masing.<sup>101</sup>

Keadaan yang sama dialami oleh Tunku Saadah bt. Tunku Abdul Jalil dari Alor Setar yang elaun kerabatnya telah dipotong sebanyak \$30.00 sebulan untuk membayar hutang kepada Syed Ibrahim bin Syed Othman Barakbah, juga dari Alor Setar. Arahan pemotongan elaun kerabat itu berkuatkuasa pada 3 November 1932. Tunku Saadah telah berhutang barang-barang kepada Syed Ibrahim berjumlah \$1,700.00 dan gagal membayar hutang tersebut walaupun telah beberapa kali dituntut. Dalam suratnya bertarikh 23 Februari 1932, Tunku Saadah mengaku tidak mampu membayar hutang tersebut kerana elaun kerabatnya sedang dipotong oleh perpendaharaan untuk membayar hutangnya yang lain. Baki elaunnya hanya tinggal \$1.25 sen sahaja. Kerajaan akhirnya membenarkan potongan elaun \$30.00 dibuat mulai November 1932 kerana menjangkakan hutang lama Tunku Saadah telah habis dibayar dalam tempoh tersebut. Meskipun Tunku Saadah membuat rayuan terhadap potongan tersebut<sup>102</sup> namun surat jawapan daripada kerajaan bertarikh 17 Februari 1933 menegaskan perkara tersebut tidak boleh dipertimbangkan lagi malah menyebut “maka di atas anak-anak kerabat hukuman lebih lagi keras daripada lain-lain orang hendak menjalankan hukuman negeri dengan keadilan adanya.”<sup>103</sup>

<sup>101</sup> Lihat, antaranya, *SUK Kedah 341/1347 Debts of Tunku Zam-Zam, Tunku Rakiah and Tunku Idris bin Tunku Osman Haji*. Untuk meneliti perbelanjaan kerabat yang terlibat, lihat Apendiks B Senarai pendapatan dan perbelanjaan Tunku Idris, Tunku Zam-Zam dan Tunku Rakiah.

<sup>102</sup> Tidak disebut dimana-mana bahagian di dalam fail samada wanita ini meminta potongan itu diperkurangkan, ditangguhkan atau dibatalkan.

<sup>103</sup> *SUK Kedah 3123/1350 Deduction of Ruling House Allowance of Tunku Sa'adah bt. Tunku Abdul Jalil for payment of her debt*. Petisyen Syed Ibrahim bertarikh 6 Januari 1932.

Walaupun pada hakikatnya isteri sultan dan wanita kerabat boleh hidup mewah dengan pendapatan daripada elauan kerabat dan ampun kurnia namun yang kerap berlaku pendapatan hanya tinggal sedikit kerana terpaksa membayar hutang. Sebagai contoh pendapatan Sharifah Fatimah, salah seorang isteri Sultan Abdul Hamid untuk bulan Jun dan Julai 1928 tidak meninggalkan baki yang banyak kerana terpaksa membayar hutang kepada beberapa orang ceti sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 4.5.<sup>104</sup>

Jadual 4.5 Pendapatan dan Perbelanjaan Sharifah Fatimah isteri Sultan Abdul Hamid pada 1928

	Pendapatan
Ampun Kurnia	\$456.28
Elaun Kerabat	\$ 90.00
Jumlah Pendapatan	\$546.28
Tolak Hutang	\$348.50
Baki Pendapatan	\$161.78

Sumber: SUK Kedah 3123/1347 *Debt of \$3,343.30 due by Tuan Sherifah Fatimah.*

Pendapatan sebanyak \$546.28 dikira agak lumayan namun setelah ditolak hutang sebanyak \$348.50, pendapatan bulanan sebenar Sharifah Fatimah hanya tinggal \$161.78.

Di pihak kerajaan sendiri, gejala wanita kerabat berhutang ini dilihat dengan penuh kebimbangan berbanding dengan kes hutang yang melibatkan kerabat lelaki. Ini adalah kerana kerajaan mendapati kaum wanita lebih mudah ditipu oleh golongan pembiutang. Suasana ini dikaitkan dengan kelemahan pendidikan di kalangan wanita

<sup>104</sup> SUK Kedah 2424/1347 *Debt of \$3,343.30 due by Tuan Sharifah Fatimah and Deposit of Grant 18331 by her as Security.* Fail ini sebenarnya berkait dengan kontroversi berhubung tindakan Sharifah Fatimah berhutang kepada ceti A. A. Muthiya dari Pekan Cina dengan meletakkan tanah yang telah dikavaet kerajaan sebagai sandaran. Selain daripada berhutang kepada ceti Muthiya, fail ini juga menunjukkan beliau berhutang kepada beberapa orang ceti lain seperti ceti Latchamanan, Mutu Karuppan dan Meyiapa.

abat, misalnya, tidak tahu mengira, menulis dan membaca. Meskipun sesetengah nita kerabat mencatat jumlah hutang dan bayaran yang telah dibuat namun tidak sang pula yang menggunakan daya ingatan sahaja kerana buta huruf. Ini merumitkan tiba kerajaan untuk menyelesaikan aduan hutang kerana wanita kerabat gagal mengeluarkan bukti dari catatan akaun mereka sendiri. Oleh kerana itu kerajaan akalanya tidak mempunyai pilihan selain membenarkan si pemutang mendakwa mereka di mahkamah. Sebagai contoh, kes Tunku Kalsom dan ceti Kailasam yang berlanjutan selama tiga tahun (sejak 1929) kerana tiada kata sepakat untuk menyelesaikan hutang itu di luar mahkamah akibat catatan kira-kira hutang yang beranggah. Dalam surat petisyen bertarikh 27 November 1928, Kailasam menyebut Tunku Kalsom telah membuat dua pinjaman pada pada 23 November 1928 iaitu:

1. \$1,700.00 - bunga \$25.00 sebulan dan tidak dibayar selama 12 bulan menjadikan jumlah yang terhutang \$300.00
2. \$1,200.00 – bunga \$15.00 sebulan dan tidak dibayar selama 12 bulan dengan jumlah bunga terhutang ialah \$180.00. Keseluruhan hutang wanita ini kepada Kailasam berjumlah \$3,386.00.

Dalam jawapan balas kepada Majlis Mesyuarat Negeri bertarikh 19 Disember 1928, Tunku Kalsom mengakui hutangnya itu dengan meletakkan tanah dan barang emas sebagai sandaran. Mengikut perjanjian mereka berdua, Kailasam dibenarkan menjual sandaran tersebut sekiranya bersetuju dengan harga yang ditawarkan. Tunku Kalsom, walau bagaimanapun, mendakwa Kailasam tidak mematuhi syarat tersebut kerana tidak membenarkan beberapa orang yang berminat untuk membeli barang kemas tu melihat terlebih dahulu barang kemas tersebut. Barang kemas itu akhirnya tidak dijual sedangkan ceti terus mengenakan bunga. Pada 10 Februari 1931, Kailasam sekali lagi menghantar surat petisyen memohon untuk membuat aduan di mahkamah ke atas Tunku Kalsom. Tunku Kalsom membala balik dalam suratnya kepada kerajaan

bertarikh 23 Februari 1931 bahawa hutang-hutangnya sebanyak \$1,200.00 itu sepatutnya dikira sudah selesai dibayar (sudah dibayar \$500.00 jadi tinggal bakinya \$700.00) kerana kerajaan telahpun membeli tanah yang beliau gadai di Anak Bukit itu dan beberapa tanah lain untuk membuat istana dengan harga \$926.92. Mengikut pengiraan Tunku Kalsom, \$1,200.00 ditolak harga tanah \$926.26 tinggal baki \$283.08 sahaja. Tunku Kalsom meminta Kailasam pergi ke Pejabat Tanah Alor Setar untuk mengambil wang itu. Reaksi kerajaan dapat dilihat dalam surat bertarikh 2 Mac 1931 bahawa kerajaan tidak mahu campur tangan dalam hal ini kerana menganggap apa yang berlaku itu adalah perselisihan peribadi antara Kailasam dan Tunku Kalsom. Kailasam akhirnya dibenarkan oleh kerajaan membawa perkara ini ke mahkamah.<sup>105</sup>

Meskipun demikian terdapat banyak bukti yang menunjukkan kerajaan cuba menyelesaikan kes pendakwaan hutang ke atas golongan kerabat di luar mahkamah dengan cara berunding dengan pembiutang. Proses ini bermula apabila kerajaan menerima petisyen daripada pembiutang. Adakalanya kerajaan tidak memberi reaksi untuk suatu tempoh yang lama. Kemudian surat dihantar kepada pihak yang berhutang untuk memaklumkan perkara tersebut dan meminta penjelasan bagaimana hutang akan dibayar. Apabila hutang masih tidak dibayar, kerajaan mengingatkan keluarga kerabat yang terlibat agar berbuat sesuatu untuk mengelakkan pembiutang mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk membawa kes itu ke mahkamah. Pada 1928, misalnya, Tunku Baharom telah diberi peringatan oleh kerajaan berhubung kes hutang anaknya, Tunku Zam-Zam kepada seorang wanita yang bernama Meriam bt. Ahmad untuk mengelakkan wanita tersebut mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk membawa kes tersebut ke mahkamah. Tunku Zam-Zam dan seorang lagi kerabat wanita,

---

<sup>105</sup> SUK Kedah 1595/1347 *Debt of Tunku Kalsom bt. Sultan Abdul Hamid.*

Tunku Rakiah, telah berhutang barang kemas kepada Meriam. Kedua-dua wanita kerabat ini, walau bagaimanapun, menafikan hutang tersebut. Tunku Rakiah dalam surat bertarikh 19 Julai 1928 menegaskan hutangnya kepada Meriam hanya berjumlah \$290.00 dan bukannya \$310.00 sebagaimana yang didakwa oleh Meriam. Tunku Zam-Zam pula menafikan beliau meminjam barang-barang kemas daripada Meriam berjumlah \$120.00 sebaliknya mendakwa barang-barang kemas tersebut sebenarnya dibeli daripada Meriam. Kerajaan menghadapi masalah untuk menyelesaikan kes hutang tersebut kerana ia dibuat tanpa sebarang surat hutang sebaliknya hanya berdasarkan perjanjian lisan antara kedua-dua pihak.<sup>106</sup>

Namun tidak semua usaha penyelesaian di luar mahkamah berhasil kerana kerajaan adakalanya terpaksa berdepan dengan pemutang yang tidak mahu bertolak ansur berhubung soal untung rugi dalam perniagaan. Misalnya, ceti K. M. C. M. Chellapa telah menghantar tiga surat petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negeri untuk menuntut hutang berjumlah \$900.00 yang belum dibayar oleh Tunku Net bt. Tunku Mahmood sejak tiga tahun yang lalu. Pinjaman dibuat oleh Tunku Net pada 13 Jun 1921 dan 25 Mei 1921 tanpa saksi dan penjamin. Kerajaan cuba menyelesaikan perkara ini dengan memanggil Chellapa untuk menyiasat hutang-hutang tersebut dan ceti ini ditawarkan mengambil semua barang-barang yang disandarkan oleh Tunku Net kepadanya iaitu sepasang kerosang, sebentuk cincin dan sepasang subang. Chellapa, walau bagaimanapun, menolak tawaran tersebut kerana tidak mahu menanggung kerugian memandangkan harga barang kemas di pasaran sudah jatuh waktu itu. Kerajaan akhirnya tidak mempunyai pilihan selain membenarkan Chellapa membuat

---

<sup>106</sup> SUK Kedah 384/1347 *Debts of Tunku Zam-Zam bt. Tunku Baharom and Tunku Rakiah bt. Sultan Abdul Hamid.*

tuntutan mahkamah.<sup>107</sup> Dalam satu kes lain yang juga membabitkan Tunku Net, tawaran daripada Tunku Mahmood untuk membayar hutang anaknya itu sebanyak \$5.00 sebulan sehingga hutang selesai ditolak oleh Sheikh Abdullah dengan alasan bayaran itu terlalu rendah. Sheikh Abdullah sebaliknya menuntut bayaran \$13 sebulan tetapi akhirnya persetujuan dicapai untuk membayar kepada Sheikh Abdullah \$10.00 setiap bulan sehingga hutang selesai.<sup>108</sup>

Penipuan ke atas wanita kerabat boleh berlaku dalam beberapa bentuk, misalnya, perjanjian dibuat tanpa surat hutang dan tanpa saksi. Hutang pula dibiarkan berlalu begitu lama oleh pemutang supaya mereka boleh mengaut keuntungan daripada kadar bunga yang dikenakan sebelum membuat aduan kepada kerajaan. Perkara ini pernah disebut oleh Tunku Ibrahim, Pemangku Raja pada 30 Jun 1923, berhubung hutang Tunku Aishah (Ishshah) kepada Sheikh Abdul Hamid Bajunid dari Pekan Melayu. Tunku Aishah berhutang barang-barang kemas berjumlah \$1,674.00 kepada Sheikh Abdul Hamid dan masih tinggal baki \$994.00. Bayaran tidak dibuat selama dua setengah tahun. Menurut Tunku Ibrahim,

Semacam inilah cetti dan Arab buat atas kerabat di Raja. Hutang dibiarkan lama dan semasa hendak beri pinjaman, tidak dimaklumkan kepada sesiapa. Kemudian bila dah lama, bungapun meningkat maka barulah adu kepada kerajaan dan sebut jumlah yang dia suka.<sup>109</sup>

<sup>107</sup> SUK Kedah 211/1342 *Debt of Tunku Net bt. Tunku Mahmood.*

<sup>108</sup> SUK Kedah 765/1341 *Debt of Tunku Net bt. Tunku Mahmood.*

<sup>109</sup> SUK Kedah 2427/1341 *Debt of Tunku Ishshah bt. Raja Muda.* Keadaan yang sama kelihatan dalam kes hutang Sharifah Fatimah, isteri Sultan Abdul Hamid. Hutang dibuat tanpa surat hutang dan pada 26 Februari 1929, Pemangku Raja telah memberi komen bahawa inilah cara ceti memberi pinjaman iaitu memberi hutang sedikit demi sedikit, dihimpunkan sekali ibu dan bunga hutang sehingga banyak, kemudian barulah dibuat surat hutang. Lihat, SUK Kedah 2424/1347 *Debt of \$3,343.30 due by Tuan Sharifah Fatimah and Deposit of Grant 18331 by her as Security.*

Dalam kes Tunku Aishah, Tunku Ibrahim membenarkan ditolak elaun kerabat wanita itu sebanyak \$20.00 sehingga selesai hutang. Meskipun masih ada baki \$50.00 dalam elaun kerabat Tunku Aishah, namun Tunku Ibrahim berpendapat tidak ada guna dibuat potongan dalam jumlah yang banyak kerana ia sama sekali tidak dapat menamatkan keghairahan orang memberi hutang kepada wanita kerabat memandangkan golongan ini mudah dimanipulasi kerana buta huruf.

Kebimbangan kerajaan turut dirasakan oleh kaum kerabat lelaki kerana biasanya mereka turut terheret dalam kes hutang wanita kerabat sebagai penjamin. Puncak kebimbangan ini ialah satu petisyen yang ditandatangani oleh enam orang kerabat lelaki pada 17 April 1929.<sup>110</sup> Petisyen ini memohon kerajaan menggubal peraturan bagi melindungi wanita kerabat daripada hutang yang banyak menyusahkan hidup mereka. Penulis petisyen mengaitkan suasana ini dengan ketidakupayaan wanita kerabat berfikir panjang tentang kesan-kesan yang bakal mereka hadapi sebelum membuat sebarang surat hutang.

Petisyen ini juga turut mengemukakan beberapa kesan yang timbul daripada gejala berhutang. Dari segi kekeluargaan, suami dan ibubapa turut terbabit untuk menyelesaikan masalah berhutang anak atau isteri demi mengelakkan menanggung malu. Kerajaan pula terpaksa menanggung risiko penurunan kualiti kerja kerabat diraja yang memegang jawatan dalam kerajaan kerana apabila si isteri berhutang, si suami terpaksa menanggung malu dan akhirnya tidak dapat bekerja dengan tenang. Dengan mengambil kira kesulitan yang timbul, beberapa cadangan dikemukakan oleh

---

<sup>110</sup>Kerabat-kerabat itu ialah Tunku Mohamed, Tunku Abdullah, Tunku Thiauddin, Tunku Kassim, Tunku Badlishah dan Tunku Abdul Aziz.

penulis petisyen untuk membendung gejala berhutang ini.<sup>111</sup> Antaranya, dicadangkan kerajaan mengenakan syarat-syarat seperti tandatangan suami atau adik beradik lelaki (bagi wanita yang belum berkahwin) adalah perlu apabila perjanjian hutang hendak dibuat. Bagi mengelakkan harta benda kaum wanita berpindah tangan dengan begitu mudah, penulis petisyen mendesak hanya barang-barang yang disandarkan sahaja boleh digadaikan. Bagi isteri yang ingin menggadaikan harta miliknya sendiri tetapi tidak mendapat izin daripada suami, perkara itu perlu dirujuk kepada kerajaan dan sultan masih boleh meluluskan permohonan dengan kebenaran khas.

Petisyen ini mendapat perhatian kerajaan malah menjadi perbincangan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dan Penasihat British. Bagi Penasihat British sebarang undang-undang berhubung membendung cengkaman hutang ke atas wanita kerabat hanya akan menakutkan kerabat lain untuk menjadi penjamin hutang. Sementara itu Tunku Ibrahim selaku Pemangku Raja dan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri berpendapat “tiada lain jalan melainkan pengetahuanlah yang memperbetulkan fikirannya (perempuan-perempuan itu) manakala diberi pelajaran yang baik kepadanya supaya terpelihara pada masa yang kehadapan.”<sup>112</sup> Pendekata, di pihak kerajaan, langkah mengadakan peraturan dan undang-undang dilihat bukanlah jalan penyelesaian yang baik bagi membendung gejala berhutang di kalangan wanita kerabat mahupun wanita rakyat biasa. Hanya kekuatan peribadi dan kesedaran wanita itu sendiri yang mampu menyelesaikan masalah ini. Ini mungkin boleh dicapai dengan mendedahkan wanita Melayu kepada ilmu pengetahuan.

---

<sup>111</sup> Lihat Apendiks C Petisyen daripada kerabat diraja lelaki kepada kerajaan berhubung gejala berhutang di kalangan wanita kerabat.

<sup>112</sup> SUK Kedah 3069/1347 *That Some Kind of Official Order be Issued Protecting the Female Members of the Kedah Ruling House from Incurring Debt.*